

Malaysian Journal of Youth Studies

VOLUME
JILID **8**

ISSN 2180-1649

June
Jun **2013**

Articles/Makalah

- Penghayatan dan Kesedaran Patriotisme dalam kalangan Pelatih Program Latihan Khidmat Negara** 1-24
MOHD HAIRUL ANUAR RAZAK, JAYUM A. JAWAN,
ADLINA ABD. HALIM, MOHD MAHADEE ISMAIL & SITI
AISHAH MISRI
- Pemahaman dan Persepsi Mahasiswa terhadap Nilai Aspirasi 1Malaysia** 25-42
CHARANJIT KAUR, NOR AZLILI HASSAN, NORAZILAH
BUHARI & NAZIRAH ISMAIL
- Social Competence in Emerging Adults** 43-53
ANG CHIN SIANG, MANSOR ABU TALIB & TAN JO PEI
- Toward Benchmarking Youth Engagement with Adults in the Malaysian Youth Service through Cross-National Research** 55-72
STEVEN ERIC KRAUSS, ADRIANA ORTEGA, HASLINDA
ABDULLAH, AZIMI HAMZAH, TURIMAN SUANDI, ISMI ARIF
ISMAIL & NOBAYA AHMAD
- Manifestasi Pendidikan Sivik dalam kalangan Alumni Program Latihan Khidmat Negara** 73-106
MOHD. MAHADEE ISMAIL & MANSOR MOHD NOOR
- Disagreement: Discrepancy of Coping Mechanisms Between Single and Married Malaysian Youths** 107-124
KUANG CHING HEI, NGEOW YEOK MENG & WONG NGAN LING
- Tingkah Laku Hedonistik dalam kalangan Belia di Institusi Pengajian Tinggi** 125-146
SITI RABA'AH HAMZAH, TURIMAN SUANDI, AZIMI HAMZAH
& EZHAR TAMAM

Terapi Seni dalam Kaunseling Pelajar Pintar dan Berbakat RAFIDAH KASTAWI & NORIAH MOHD ISHAK	147-166
Stress and Mental Health Problem on Secondary School Student in Sabah BALAN RATHAKRISHNAN & ALFRED CHAN	167-176
Kecenderungan Melayari Internet dalam kalangan Remaja India Muslim di Kuala Lumpur RAZALEIGH MUHAMAT @ KAWANGIT & AHMAD TARMIZI TALIB	177-191
Behavioral Factors Influencing Usage of Rural Library Services Among Youth in Malaysia FARAH ADILA ABDULLAH, SITI ZOBIDAH OMAR, JUSANG BOLONG, JEFFREY LAWRENCE D'SILVA & HAYROL AZRIL MOHAMED SHAFFRIL	193-205
Memartabatkan Bahasa Melayu melalui Pendidikan dan Mendepani Cabaran Globalisasi MOHD RASHID MOHD IDRIS	207-222

PENGHAYATAN DAN KESEDARAN PATRIOTISME DALAM KALANGAN PELATIH PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA

MOHD HAIRUL ANUAR RAZAK, JAYUM A. JAWAN,
ADLINA ABD. HALIM, MOHD MAHADEE ISMAIL & SITI AISHAH MISRI

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan, persepsi dan pemahaman golongan remaja dalam konteks kesedaran dan penghayatan kepada semangat patriotisme. Responden kajian adalah seramai 1010 orang remaja. Dapatan kajian menunjukkan, majoriti daripada responden mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi terhadap patriotisme (83.5%), manakala persepsi yang tinggi terhadap patriotisme (98.7%) serta pemahaman yang tinggi terhadap patriotisme (83.1%). Kajian juga mendapati wujud perbezaan pengetahuan, persepsi dan pemahaman bagi setiap bangsa Melayu, Cina, India dan Bumiputera Sabah dan Sarawak terhadap penghayatan patriotisme. Kajian juga mendapati tidak wujud perbezaan antara jantina iaitu lelaki dan perempuan terhadap penghayatan patriotisme.

Kata Kunci: *Patriotisme, Pembangunan Negara Bangsa, Remaja, PLKN, Pelatih PLKN*

ABSTRACT

The main objective of this study was to assess level of knowledge, perception and understanding among youth in the context of awareness and national spirit of patriotism. Data were collected using questionnaires with 1010 respondents from all state in Malaysia. Generally, findings indicated that majority of the respondents had high level of knowledge (83.5%), perception (98.7%) and understanding (83.1%) of patriotism. Findings also showed that the difference in races among Malay, Chinese, Indian and native of Sabah and Sarawak influence on the varied perception of patriotism and nationalism. Study also found that there was no significant difference between gender and the spirit of patriotism.

Keywords: *Patriotism, Nation Building, Youth, PLKN, PLKN Trainees*

PENGENALAN

Pemupukan nilai – nilai moral dan etika, kecemerlangan dalam semua aspek serta sumbangan sebagai rakyat yang berjiwa merdeka dan sayangkan negara dalam semua agenda pembangunan negara adalah menjadi hasrat pihak pemerintah dan seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa, agama, asal keturunan mahupun

perbezaan warna kulit. Agenda untuk mencapai kecemerlangan ini sebenarnya wujud secara semula jadi dalam diri manusia. Oleh yang demikian, dalam konteks untuk mencapai kecemerlangan ini, pelbagai aspek perlu diambil kira. Pada peringkat yang paling asas dalam usaha untuk mencapai agenda pembangunan negara, soal kesejahteraan dan pembangunan masyarakat perlu diberikan perhatian khusus. Malaysia yang dikenali sebagai sebuah negara yang majmuk kini terarah untuk mendaulatkan pembentukan sebuah negara bangsa yang mempunyai satu pandangan dunia yang sama terutama dalam hal ehwal yang melibatkan kepentingan seluruh anggota masyarakatnya.

Apabila memperkatakan soal pembangunan masyarakat, proses pembentukan sebuah negara bangsa, sejarah dan latar-belakang sesebuah masyarakat itu perlu diberi perhatian utama. Ini kerana, proses tersebut mengambil jangka masa yang cukup panjang untuk mewujudkan satu generasi yang boleh dilabelkan sebagai satu negara bangsa. Proses ini juga melibatkan komitmen yang berterusan dari satu generasi ke satu generasi yang baharu. Generasi lama dilihat sebagai pengasas kepada terbentuknya kedaulatan bangsa Malaysia hari ini. Generasi baharu pula adalah penyambung warisan dan tradisi yang telah dipelopori oleh generasi yang lebih awal tadi. Oleh itu, adalah menjadi amanah dan tanggungjawab generasi baru untuk meneruskan segala usaha dan titik peluh yang telah diperjuangkan oleh generasi lama. Menjangkau era yang serba kompetitif kini, generasi baharu terpanggil untuk mengejar arus pemodenan yang canggih dan termoden. Namun begitu, dalam kesibukan untuk mengejar perkembangan era globalisasi yang kian melanda hari ini, generasi baharu seharusnya tidak melupakan malah sepatutnya terus menyuburkan segala warisan yang telah ditinggalkan oleh generasi terdahulu.

Sehubungan dengan itu, adalah menjadi satu perkara penting bagi seluruh warga Malaysia khususnya generasi baharu untuk menghayati erti kemerdekaan. Penghayatan kemerdekaan tidak hanya sekadar menyanjung pengorbanan wira-wira negara semasa menuntut kemerdekaan tetapi apa yang lebih utama ialah untuk mempertahankan kemerdekaan yang dinikmati selama ini. Justeru itu, salah satu usaha dalam proses mempertahankan kemerdekaan negara, soal pembentukan masyarakat perlu diutamakan agar wawasan negara untuk membentuk negara bangsa Malaysia akan wujud dan menjadi kenyataan dalam realiti kehidupan masyarakat majmuk Malaysia.

Menyentuh tentang pembinaan negara bangsa, ia bukan semudah sepertimana yang diperkatakan kerana terdapat banyak faktor yang perlu diambil kira dan pelbagai cabaran yang perlu ditempuhi. Secara langsung, ianya memerlukan strategi yang menyeluruh dan pendekatan yang bersepadu untuk merealisasikan impian tersebut. Penglibatan secara holistik masyarakat menjadi kayu ukur kepada kejayaan tersebut memandangkan soal perpaduan dan integrasi antara kaum masih menjadi tanda tanya. Justeru itu, proses pembinaan negara bangsa memerlukan perbincangan yang khusus dan lebih mendalam. Dalam keasyikan masyarakat Malaysia berusaha mencapai kejayaan pembentukan sebuah negara baru menerusi

Wawasan 2020, entiti atau elemen untuk membina negara bangsa Malaysia wajar ditekankan supaya hak dan kemerdekaan Malaysia secara holistik sentiasa terpelihara. Cabaran ini adalah cabaran bersama supaya wujud satu bangsa yang bernaung dan dikenali sebagai negara bangsa Malaysia.

Elemen asas yang perlu diberikan perhatian dalam usaha membina sebuah negara bangsa ialah pemupukan semangat patriotisme dan nasionalisme dalam kalangan seluruh rakyat tidak kira tua muda, kecil besar mahupun miskin atau kaya. Usaha ini memerlukan pendekatan menyeluruh supaya seluruh anggota masyarakat khususnya generasi baharu menghayati semangat ini dalam jiwa mereka dan membentuk jati diri yang utuh serta mantap. Semangat patriotisme dan nasionalisme ini umpama perisai bagi kedaulatan sesebuah negara. Walter Berns (1997) memberikan takrifan patriotisme ini sebagai satu perasaan cinta, bangga dan sedia berkorban untuk negara. Ia merangkumi aspek kesetiaan dan semangat mempertahankan negara. Kesediaan seseorang warganegara untuk berkorban demi mempertahankan negara merupakan reaksi secara langsung dan terpuji yang mencerminkan ketinggian semangat patriotisme dan nasionalisme. Dalam konteks ini, penghayatan semangat patriotisme dan nasionalisme tidak terhad dengan kesanggupan seseorang warganegara berkhidmat dalam bidang pertahanan negara seperti tentera dan polis sahaja, malah ia merangkumi semua aspek dalam kehidupan masyarakat termasuklah bidang ekonomi, pendidikan, budaya, sukan dan pelbagai lagi. Semua lapangan kehidupan ini perlu dibangunkan secara bersama dengan hasrat pembinaan negara bangsa. Umumnya, walaupun pengertian patriotisme sering dikaitkan dan seiring dengan nasionalisme, tetapi kedua-duanya mempunyai kelainan tertentu. Patriotisme biasanya tidak berasaskan ideologi. Ia adalah suatu keterikatan primodial terhadap sesuatu wilayah atau masyarakat, sesuatu sentimen kepunyaan (belonging) dan suatu perasaan satu identiti atau satu semangat kecintaan yang kuat terhadap tanah air (Saifuddin Abdullah, 2005). Patriotisme dan nasionalisme dalam satu pengertian khusus mencerminkan semangat keinginan dan keupayaan untuk sesuatu perubahan khususnya dalam memperjuangkan maruah dan menyumbang bakti kepada sebuah bangsa yang berdaulat. Oleh yang demikian, semangat ini boleh dicapai apabila seluruh anggota sesebuah negara dapat menghayati erti kata sebenar sesebuah 'kemerdekaan'. Dalam menghayati erti kemerdekaan, masyarakat bukan sekadar perlu menyanjung pengorbanan wira bangsa yang sanggup bergadai nyawa dalam menuntut kemerdekaan tetapi kita perlu mempertahankan dan memenuhi erti kemerdekaan itu dengan pelbagai kaedah dan cara khususnya dalam menyumbang jasa dan bakti kepada pembangunan negara, kesejahteraan masyarakat dan keharmonian sejagat. Justeru itu, dalam konteks memenuhi erti kemerdekaan, seluruh masyarakat Malaysia amnya perlu mengambil bahagian secara aktif dalam merealisasikan wawasan dan aspirasi negara dalam usaha membentuk sebuah negara bangsa yang bersatu-padu, mantap, unggul dan berdaya maju.

Lantaran daripada itu, pemupukan semangat patriotisme dan nasionalisme perlu didedahkan kepada rakyat Malaysia sejak awal remaja lagi. Tindakan pihak pemerintah melaksanakan pelbagai program seperti Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) merupakan satu usaha murni yang perlu di dokong oleh segenap lapisan masyarakat untuk memastikan masa depan negara terus utuh dan gemilang. Program seperti ini tidak akan berjaya sekiranya anggota masyarakat tidak memberikan sokongan yang padu kepada pihak pemerintah, malah lebih teruk lagi sekiranya ada pihak yang cuba untuk mengeksploitasi usaha murni pihak pemerintah ini. Pembentukan jati diri remaja yang cemerlang, gemilang dan terbilang yang kukuh dengan semangat patriotisme dan nasionalisme ini adalah penentu kepada pencapaian pembentukan negara bangsa pada masa hadapan. Oleh yang demikian, kajian ini memfokuskan kepada penghayatan semangat patriotisme dan nasionalisme dengan memberikan perhatian kepada generasi baharu khususnya pelatih PLKN. Mereka jugalah yang akan menentukan proses pembinaan negara bangsa itu boleh mencapai apa yang disasarkan ataupun sebaliknya.

SOROTAN KAJIAN PATRIOTISME DAN NASIONALISME

Negara terbentuk dengan adanya tanah air, rakyat, kemerdekaan, kedaulatan dan mempunyai undang-undang tersendiri. Kesemua elemen ini adalah saling melengkapi antara satu sama lain. Elemen yang sering kali menjadi tumpuan utama ialah rakyat memandangkan rakyatlah yang menjadi tunjang utama dalam menentukan kedaulatan negara. Biasanya rakyat bagi sesebuah negara terdiri daripada pelbagai bangsa. Bangsa umumnya membawa maksud sekumpulan besar orang yang mempunyai perasaan kekitaan dalam sesebuah negara. Namun begitu persoalan tentang bangsa ini cukup meluas dan membawa makna yang rencam. Pandangan tentang bangsa ini telah diketengahkan oleh beberapa sarjana terkemuka seperti Almond & Verba (1965), Rush (1992), Putman (1998) dan Taylor (2002).

“The civic culture is pluralistic, and ”based on communication and persuasion, a culture of consensus and diversity, a culture that permits change but moderates it” (Almond and Verba 1963, p 8)”.

Keseluruhan pandangan yang dikemukakan oleh sarjana tersebut tentang bangsa banyak berkisar pada faktor kewujudan ikatan yang kuat antara sesama manusia, persoalan tentang ras dan etnik, isu bahasa, wilayah dan kedaerahan mahupun perkara-perkara yang subjektif seperti perasaan tentang sejarah dan cita-cita yang dikongsi bersama. Sebagai sebuah negara yang memiliki masyarakat majmuk (heterogeneous) seperti Malaysia, masalah utama yang dihadapi ialah untuk membentuk ikatan yang kuat antara kepelbagaian kumpulan etnik yang wujud khususnya dalam konteks untuk merealisasikan cita-cita negara iaitu pembinaan negara bangsa. Hasrat negara untuk membina sebuah negara bangsa yang bersatu padu masih menjadi persoalan utama dan hangat diperdebatkan khususnya dalam kalangan sarjana serta ahli-ahli politik. Oleh itu, ramai pengkaji dan penyelidik

yang menumpukan kajian terhadap aspek ini. Antaranya Abdul Rahman Haji Ismail (1995) dalam artikelnya yang bertajuk “Sejarah dan Proses Pemantapan Negara Bangsa” memberikan penekanan yang mana negara bangsa boleh disifatkan sebagai manusia yang berkongsi sejarah budaya dan bahasa yang sama sehingga perkongsian itu melahirkan satu identiti kebangsaan. Oleh itu, bagi merealisasikan satu negara bangsa, rakyatnya harus mengamalkan hidup yang berteraskan satu bangsa, satu bahasa dan memiliki satu kesedaran kebangsaan.

Stephen Nathanson (1993, 34–35) menyatakan patriotisme sebagai satu perasaan istimewa untuk negara, satu perasaan identiti secara peribadi dengan negara, kerisauan utama terhadap kesejahteraan negara dan kesediaan berkorban untuk kebaikan negara.

Dalam abad ke-19, Lord Acton membanding kewarganegaraan sebagai kasih sayang dan nilai manakala patriotisme sebagai hubungan moral. Dalam hal ini, beliau berpendapat kewarganegaraan adalah terikatan terhadap bangsa secara semula jadi atau secara fizikal. Manakala, patriotisme merupakan kesedaran terhadap tanggungjawab moral kepada komuniti politik negara (Acton 1972, 163). Dalam abad ke-20, Elie Kedourie berpendapat, takrifan nasionalisme sebagai doktrin politik dan falsafah yang lengkap tentang negara-negara sebagai unit-unit asas kemanusiaan, di mana masing-masing dapat mencari kebebasan dan pencapaian, dan patriotisme sebagai sentimen kecil kasih sayang untuk satu negara (Kedourie 1985, 73–74).

Patriotisme secara amnya didefinisikan sebagai satu sangkutan kepada negara. Fairbrother (2005) menegaskan patriotisme sebagai satu perasaan yang berkait dengan negara, tanggungjawab kepada bangsa dan ia adalah idea di mana negara mempunyai nilai yang membawa makna lebih daripada nilai individual. Ramai penyelidik seperti Staub (1997) dan Schatz, Staub dan Lavine (1999) menganggap patriotisme berbeza daripada pelbagai sudut. Mereka melihat terdapat dua aspek patriotisme yang perlu dikaji iaitu pertama blind patriotism dan constructive patriotism. Blind patriotism adalah satu keadaan sokongan yang tidak kritikal terhadap tindakan dalam sesuatu kumpulan. Sebaliknya constructive patriotism atau critical patriotism mewakili kesedaran yang kritikal terhadap kesetiaan dalam sesuatu kumpulan. Tujuan constructive bermatlamat untuk menambahbaikkan dan meningkatkan situasi atau sistem semasa dan menyumbang kepada perkembangan negara bangsa. Schatz et.al. (1999) telah mengkaji hubungan dua jenis patriotisme ini. Beliau mendapati blind patriotism ialah kerjasama melalui politik konservatif dan identiti parti politik. Manakala constructive patriotism ialah kerjasama melalui kecekapan pelaksanaan politik, ilmu pengetahuan politik, pengumpulan maklumat politik dan aktiviti politik.

David Archard (1999) mendefinisikan patriotisme sebagai perasaan cinta yang kuat terhadap tanah air iaitu individu yang sanggup berkorban demi tanah air tercinta. Perasaan cinta terhadap tanah air ini pasti wujud di hati setiap individu warganegara Malaysia dalam usaha mencapai matlamat dan aspirasi negara. Dalam

negara seperti Malaysia yang terdiri daripada rakyat berbilang kaum, semangat patriotisme akan dapat membentuk sebuah negara Malaysia yang bersatu padu dan harmonis. Saifuddin Abdullah (2005) pula menjelaskan bahawa maksud patriotisme adalah cinta yang kental dan kekal terhadap bangsa dan negara Malaysia. Tetapi fokus atau bentuk patriotisme mungkin berubah mengikut masa dan keadaan.

Nasionalisme merupakan satu identiti yang kuat sekumpulan individu-individu dengan satu entiti politik kebangsaan, iaitu sebuah negara. Selalunya kepercayaan satu kumpulan etnik yang mempunyai hak dan taraf kepada negara. Kepercayaan bahawa negara adalah penting atau kepercayaan satu negara secara semula jadi unggul kepada negara yang lain (Smith, 1993). Satu kumpulan etnik atau berbilang kerakyatan dalam satu negara membolehkan mereka mempunyai hak untuk menyatakan dan melaksanakan identiti nasional malahan oleh pihak minoriti dalam negara tersebut (Kymlicka, 1995). Nasionalisme juga digunakan untuk menghuraikan sebuah pergerakan supaya mewujudkan atau melindungi sebuah tanah air (biasanya satu negeri berautonomi) untuk satu kumpulan etnik.

Nasionalisme adalah berkenaan kuasa, penyokongnya mahu untuk memperoleh sebagai banyak kuasa dan martabat yang mungkin untuk negaranya di mana bukan bersifat individual. Menurut Orwell (1968), nasionalisme dilihat sebagai pendekatan agresif dan merupakan platform untuk menunjukkan kuasa sesebuah negara.

Rahman (2006) menegaskan sekiranya dilihat secara luaran, matlamat asal nasionalisme adalah untuk memperjuangkan kedaulatan dan kemerdekaan sesebuah negara bangsa daripada penjajahan asing. Oleh itu, apabila membicarakan tentang nasionalisme sesebuah bangsa yang terjajah dan yang sedang berusaha membebaskan diri daripada penjajahan adalah nyata dan mudah kelihatan. Persoalannya sekarang, bagaimana dengan bentuk nasionalisme bagi sesebuah bangsa yang tidak berada di bawah penjajahan asing? Adakah tidak wujud nasionalisme dalam kalangan mereka? Bagaimana dengan bentuk nasionalisme bangsa Jepun dan nasionalisme bangsa Thailand? Persoalan-persoalan sedemikian rupa sebenarnya sentiasa diketengahkan untuk melihat tentang nasionalisme sesebuah bangsa yang berdaulat. Dari sinilah soal kedaulatan rakyat penting apabila membincangkan wacana tentang nasionalisme. Bangsa yang berdaulat ialah bangsa yang mengiktiraf hak dan kedaulatan rakyat untuk sama-sama menentukan watak dan hala tuju negara bangsanya.

Nasionalisme adalah dasar kepada kedaulatan sesebuah negara. Namun begitu, dalam usaha mendaulatkan negara bangsa sendiri, sesebuah negara bangsa perlulah mengiktiraf dan menghormati kedaulatan negara bangsa lain. Nasionalisme pada asasnya menganjurkan kewujudan berbilang negara bangsa dan menentang penaklukan atau penjajahan sesuatu bangsa ke atas bangsa yang lain (Rahman, 2006). Pergerakan nasionalisme tidak sepatutnya melimpah menjadi melampau yang berkesudahan dengan imperialisme. Namun begitu, seperti yang terjadi

kepada Jerman dan Jepun menjelang dan semasa Perang Dunia Kedua, kegiatan yang asalnya bersifat membela diri dan menegaskan kedaulatan negara bangsa mereka telah berkembang dan bertukar menjadi imperialisme yang mencerooboh dan mengancam kedaulatan negara bangsa lain.

Penulis berpendapat, di Malaysia, nasionalisme merujuk kepada amalan politik yang berlandaskan nasionalisme secara demokrasi. Nasionalisme menjadi kuasa penggerak kepada wujudnya pengaruh perjuangan sesuatu bangsa. Sesuatu bangsa tidak akan menjadi kuat dan berpengaruh untuk merealisasikan cita-cita, dasar dan perjuangan negara sekiranya tidak memiliki pengaruh nasionalisme kuat yang membolehkan mereka menghadapi rintangan dan cabaran mendatang. Pendapat oleh Rahman (2006) memang jelas menyatakan bahawa matlamat nasionalisme mestilah atas dasar sayang kepada negara dan bukan untuk menindas negara lain. Secara umumnya, nasionalisme adalah satu ideologi yang mencipta dan mempertahankan kedaulatan sesebuah negara dengan mewujudkan konsep identiti bersama untuk sekumpulan manusia. Dalam pengertian lain, ia mencerminkan semangat keinginan dan keupayaan untuk mencapai perubahan dan yang lebih mustahak ialah membina maruah dan harga diri. Bagi bangsa yang telah lama tertekan dan berada dalam kongkongan penjajahan, nasionalisme wujud dalam perjuangan untuk mendaulatkan sesuatu harapan negara.

KAJIAN-KAJIAN LEPAS MENGENAI SEMANGAT PATRIOTISME

Semangat patriotisme merupakan satu perasaan dan ideologi yang penting serta berpengaruh dalam pembangunan dan kesinambungan politik sesebuah negara. Kepentingannya menyebabkan ramai sarjana telah melakukan kajian dari pelbagai sudut dan pandangan. Hans Kohn (1967) menyatakan nasionalisme ialah keadaan minda yang mencetuskan gerak kesedaran anggota sesebuah masyarakat untuk menyumbangkan jasa melalui aktiviti yang teratur dengan matlamat akhirnya untuk menegakkan sebuah negara yang berdaulat. Kohn mengiktiraf negara bangsa sebagai bentuk organisasi politik yang unggul dan bangsa sebagai punca bagi segala kehidupan budaya yang membina dan punca kesejahteraan ekonomi. Nasionalisme menuntut pembinaan negara bangsa manakala kewujudan negara bangsa pula memperkukuhkan gerakan nasionalisme dan menyemarakkan semangat patriotisme.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Radin Soenarno (1960), pertumbuhan nasionalisme Melayu mencapai tahap kesedaran politik bermula dengan penubuhan Kesatuan Melayu Singapura. Kesedaran tersebut dicetuskan oleh perkembangan politik di Indonesia yang menyaksikan kegagalan dalam rampasan kuasa oleh pihak komunis dan penubuhan Partai Nasional Indonesia oleh Sukarno. Selain itu kegiatan pelajar Melayu di Universiti Al-Azhar yang menerbitkan majalah Al-Iman, Seruan Al-Azhar dan Pilihan Timur turut memperkasakan perkembangan nasionalisme orang-orang Melayu. Pertumbuhan gerakan ini mendapat momentum dengan tertubuhnya Kesatuan Melayu Muda (KMM) pada tahun 1938 oleh Ibrahim Yaakob, seorang pemimpin Melayu yang berpengaruh pada masa itu.

Soenarno (1960) dalam penelitian mengenai nasionalisme Melayu berpendapat bahawa penubuhan KMM juga menandakan kewujudan dua aliran, iaitu kiri dan kanan dalam perkembangan nasionalisme Melayu. Aliran perkembangan politik yang diterajui oleh KMM dilihat sebagai aliran kiri politik Melayu. Pembentukan KMM dengan kepimpinan dan keanggotaan golongan desa-tani menampilkan perubahan dan cabaran kepada golongan aristokrat yang merupakan pemimpin masyarakat Melayu yang sedia ada. Tambahan pula, oleh sebab terdapat persamaan latar belakang sosial para pemimpinnya, maka sebahagian besar gerakan politik Melayu yang diterajui golongan reformis Islam juga merupakan bahagian daripada aliran gerakan nasionalisme kiri (Rustam 1994). Dari pengungkapan fahamannya, gerakan ini mengambil bentuk budaya dan etnik. Hasratnya adalah untuk mendirikan sebuah negara bangsa Melayu dengan kesatuan etnik dan budaya Melayu sebagai asas simboliknya.

Sementara aliran gerakan nasionalisme Melayu yang 'kanan' diperjuangkan oleh golongan elit aristokrat Melayu tradisional. "Sebagai golongan yang mempunyai pengalaman dalam pentadbiran kolonial, mereka selalu diberikan kepercayaan untuk memimpin pertubuhan dan organisasi politik yang wujud terutamanya pada tahun 1930-an" (Rustam 1983). Dalam menerajui organisasi-organisasi tersebut, mereka bukan sahaja tidak dapat mengungkapkan cita-cita negara bangsa malah sebahagian besar artikulasi politiknya ditumpukan kepada usaha mempertahankan kesinambungan kuasa pemerintahan negeri-negeri Melayu tradisional dan pentadbiran kolonial (Roff 1980, Rustam 1994).

Rustam (1993) menekankan bahawa nasionalisme adalah satu ideologi yang menginginkan terbentuknya sebuah negara bangsa bagi pihak satu kelompok manusia. Dengan terbentuknya sebuah negara tidaklah bererti sesebuah bangsa itu dengan sendirinya telah berhasil melahirkan sebuah negara bangsa. Oleh itu, untuk mencapai negara bangsa, elemen utama yang perlu diberikan perhatian ialah nasionalisme rakyat bagi seluruh negara tersebut. Tidak hairanlah, mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Sri Dr. Mahathir Mohamad telah mengemukakan kertas kerjanya yang berjudul "Malaysia Melangkah ke Hadapan" pada Majlis Perdagangan Malaysia tahun 1991 untuk mengetengahkan idea negara bangsa. Beliau menekankan bahawa daripada sembilan cabaran utama yang perlu dihadapi oleh seluruh rakyat negara ini untuk mencapai sebuah negara maju pada tahun 2020, cabaran membentuk sebuah negara bangsa Malaysia yang bersatu padu merupakan cabaran paling utama dan paling asas. Cabaran ini melibatkan keupayaan untuk menyatupadukan rakyat dari pelbagai aspek khususnya dalam konteks pembentukan masa hadapan yang dikongsi bersama. Bangsa yang dibentuk tersebut mestilah hidup dalam kesejahteraan, berintegrasi antara satu sama lain dan kelompok-kelompok etniknya menikmati kehidupan bersama berasaskan persamaan hak dan keadilan sosial. Pada masa yang sama bangsa tersebut perlu mempunyai nilai nasionalisme yang tinggi dengan rasa taat setia dan pengabdian yang tidak berbelah bagi terhadap negara.

Marriot (1963) melalui kajiannya menegaskan bahawa dalam sejarah gerakan-gerakan nasionalisme di dunia, biasanya satu golongan tertentu dalam sebuah kelompok sosial akan menjulang dan mengungkapkan simbol-simbol tertentu. Simbol tersebut adalah sebagai alat untuk menyatukan dan menggembelng kesetiaan para anggota kelompoknya dalam satu komuniti politik yang dianggap dan diakui sebagai setaraf dengan negara bangsa yang lain. Namun begitu, terdapat pemahaman yang berbeza dalam aspek pembentukan negara bangsa. Pada satu pihak, cita-cita kebangsaan menekankan perbezaan kelompok daripada bangsa yang menjajah dan mendorong penemuan ciri-ciri khusus yang membezakannya untuk disanjung sebagai tunggak identiti sendiri yang cuba diketengahkan. Di pihak yang lain pula melihat nasionalisme merupakan usaha untuk meniru dan menyerupai bangsa yang menjajah iaitu untuk mendirikan komuniti politik yang disebut *nation*, sama seperti bangsa penjajah tersebut. Lebih-lebih lagi untuk membina negara bangsa baharu itu berlandaskan pemodenan dan rasional supaya setanding dan setaraf dengan bangsa penjajah. Oleh itu, tidak hairanlah pada tahap sebelum mencapai kemerdekaan, tumpuan khusus diarahkan sepenuhnya kepada cita-cita kebebasan negara dengan kebangkitan nasionalisme. Namun setelah mencapai kemerdekaan, cita-cita negara tertumpu untuk mencapai pembangunan fizikal sebagai wadah yang sesuai bagi pembentukan sebuah negara bangsa yang moden, sama setanding dengan negara-negara yang lain di dunia moden ini.

Paksi dan nadi yang menggerakkan nasionalisme ialah bangsa, iaitu sekumpulan manusia yang secara bersama menganggap diri mereka sebagai orang yang berhak dari segi politik dan kedaulatan terhadap suatu wilayah politik atau negara tertentu yang kini sama ada mereka memerintah sendiri atau dijajah oleh kuasa lain. Bangsa yang dijajah akan berusaha membebaskan diri dan negara mereka daripada penjajahan, manakala bangsa yang telah merdeka akan berusaha mempertahankan diri dan negara mereka daripada dijajah. Dari sinilah lahirnya ungkapan negara bangsa yang berteraskan kepada gagasan nasionalisme dan tumpuan kesetiaan ahli bangsa berkenaan. Maka dalam pengertian inilah nasionalisme amat ketara dalam kalangan masyarakat yang dijajah dan sering juga berlaku dalam kalangan masyarakat bagi sebuah bangsa bebas yang berusaha untuk memastikan negara bangsa mereka terus merdeka dan tidak dijajah.

Mohd. Jamil (2005), dalam tulisannya bertajuk “Patriotisme dalam Konteks Pembinaan Bangsa Malaysia” menegaskan bahawa patriotisme adalah satu manifestasi perasaan, sikap, *world-view* serta nilai terhadap negara atau negeri sendiri, iaitu perasaan seperti cinta, saling menghormati atau kasih terhadap objek yang ditujukan khususnya negara. Sikap ini merangkumi sifat positif, bukannya negatif, seperti sanggup berkorban terhadap sesuatu atau menyanjung seseorang secara terhormat. *World-view* pula ialah pandangan hidup dan tanggapan bahawa negara itu melindungi hak-hak seseorang warganegara iaitu sesuatu yang mendatangkan kebaikan dan bukannya keburukan. Pengukuran patriotisme dari segi nilai adalah pertimbangan yang tinggi lagi positif terhadap apa sahaja yang bersangkutan dengan tanah air, tetapi semua ini tidak semestinya ditujukan kepada

tanahair sahaja. Sejarah tamadun manusia telah menunjukkan perkara-perkara seperti taat setia boleh ditujukan kepada seorang tokoh, raja, pemimpin negara, sesuatu agama dan sebagainya. Semangat patriotisme yang khusus terhadap negara ialah semangat yang selalu bersaing dengan objek sikap, perasaan atau world-view yang lain, misalnya terhadap individu atau kelompok yang membelakangkan patriotisme untuk menegakkan ideologi atau agama pegangannya. Ada kalanya patriotisme ditenggelamkan oleh sesuatu kepentingan diri sendiri, keluarga, kelompok ataupun komitmen yang mendalam terhadap ideologi sama ada ideologi yang berkaitan dengan agama, negara mahu pun falsafah atau ajaran- ajaran yang tertentu.

Seterusnya Mohd. Jamil (2005) turut menjelaskan bahawa penilaian terhadap semangat patriotisme dahulu dan kini mempunyai perbezaan dari segi asasnya. Jika dahulu, khususnya pada zaman silam, slogan yang sering ditonjolkan sebagai mercu membangkitkan semangat patriotisme ialah “sama ada benar atau salah, itu adalah negaraku”. Pepatah Melayu juga ada mengatakan “biar hujan emas di negara orang, hujan keris dan lembing di negara kita, negeri kitalah yang terbaik”. Ini bermakna apa yang dilakukan oleh pihak pemerintah sesebuah negara, termasuk yang berkuasa ketika itu adalah benar. Semangat patriotisme mestilah diasaskan kepada nilai akhlak yang baik, keadilan dan juga kebenaran. Patriotisme yang didokong oleh akhlak dan perbuatan yang baik akan disanjung tinggi serta memberikan kesan positif yang diharapkan. Melihat kepada apa yang terjadi seperti di Palestin, Iraq dan juga di Afghanistan atau di mana-mana negara yang kecil dan lemah yang ditindas oleh negara-negara besar atas dasar untuk memperjuangkan kebenaran, keadilan, kesejahteraan dan keamanan sejagat walhal tujuan utama mereka adalah berbeza dengan apa yang mereka katakan. Ini yang dikatakan patriotisme yang berlawanan dengan etika kemanusiaan dan akhlak yang tinggi dan juga keadilan yang sebenarnya.

Abd. Rahim (2004) dalam tulisannya bertajuk yang “Patriotisme : Agenda Pembinaan Bangsa” menegaskan bahawa patriotisme ialah perjuangan yang menjiwai kepentingan bangsa dan negara. Ia menonjolkan semangat juang yang tinggi mendaulatkan kedudukan, status serta pengaruh bangsa dan negara. Sementara nasionalisme mencerminkan semangat keinginan dan keupayaan untuk mencapai perubahan dan yang lebih mustahak ialah membina maruah dan harga diri. Patriotisme dan nasionalisme memerlukan komitmen pemimpin dan semua golongan rakyat dengan mempertahankan asas pembinaan dan kedaulatan negara. Mempertahankan negara daripada musuh dan ancaman luar merupakan satu tanggungjawab rakyat. Kesetiaan kepada raja dan negara yang ditunjukkan oleh warganegara melalui sumbangan dan pengorbanan merupakan unsur patriotisme yang amat penting. Unsur ini perlu ditanam dalam kalangan generasi muda, khususnya dalam konteks masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Nilai patriotisme seperti kesetiaan, keberanian, rela berkorban, kesukarelaan, cintakan bangsa dan negara perlu dipertingkatkan bagi membentuk rakyat Malaysia yang patriotik dan bertanggungjawab pada bangsa dan negara. Oleh itu, satu kerangka bagi membangunkan semangat patriotisme perlu dilakukan melalui dasar pembangunan

manusia, ekonomi, politik, sukan, hubungan diplomatik dan penglibatan Malaysia dalam konteks globalisme. Nasionalisme dalam konteks ini merupakan satu langkah bagi menonjolkan imej Malaysia sebagai bangsa dan negara yang berwibawa di arena antarabangsa.

Menurut Abd. Rahim (1999), pembinaan sebuah negara yang berdaulat, maju dan progresif bagi menghadapi perubahan dan cabaran alaf baru amat bergantung kepada kekuatan nasionalisme, demokrasi dan usaha-usaha ke arah mengisi erti kemerdekaan. Ancaman, krisis dan pelbagai pergolakan yang dihadapi oleh Malaysia dalam tempoh setengah abad selepas mencapai kemerdekaan menjadikan Malaysia sebuah negara bangsa yang semakin mantap, berdaya saing dan melonjak sebagai sebuah negara membangun yang mendapat perhatian masyarakat dunia. Kepimpinan yang berdaya maju, berani, tegas dan berwibawa di peringkat antarabangsa membolehkan Malaysia memainkan peranan positif dan mengambil bahagian aktif menyuarakan pelbagai isu khususnya berkaitan dengan kepentingan negara membangun. Keadaan ini menyebabkan Malaysia dihormati dan disegani oleh seluruh masyarakat dunia.

Sementara itu, hasil kajian Abdul Karim (1998) telah menggambarkan bahawa semangat patriotisme masyarakat Malaysia pada hari ini sudah semakin luntur dan goyah. Menurut beliau keadaan ini disebabkan oleh kerana wujud sikap mementingkan diri sendiri yang semakin menular dalam kalangan mereka. Beliau juga berpendapat bahawa kelunturan semangat patriotisme di Malaysia pada tahap ini masih boleh dikawal. Walau bagaimanapun, kajian Abdul Karim adalah bersifat umum dari aspek penilaian semangat patriotisme ke atas kumpulan etnik yang dikaji. Beliau juga melihat aspek kemerosotan pendidikan dalam bidang sejarah bangsa, kenegaraan dan agama, moral sebagai indikator kelunturan semangat rakyat, khususnya semangat patriotisme.

Penulis bersetuju dengan pendapat Abdul Karim (1998) bahawa kekurangan aspek pendidikan ilmu berkenaan kenegaraan menjurus kepada kurangnya penghayatan dan kesedaran kepada patriotisme dan nasionalisme terhadap negara. Ditambah lagi dengan pendapat daripada Saifuddin Abdullah (2005) penulis bersetuju dengan pendapat beliau dalam menyokong dan penekanan kepada peningkatan penghayatan kepada negara terdapat dua perkara yang perlu dipertimbangkan iaitu ilmu dan pendekatan penyampaian. Kajian ini juga disokong oleh Abd. Rahim (1999), iaitu keperluan dalam mengisi dan mengekalkan kedaulatan dan kemerdekaan mesti ada dan wujud kekuatan nasionalisme, sistem demokrasi yang diterima rakyat dan usaha-usaha serta perlaksanaan pengisian yang teratur dalam memastikan usaha-usaha dan matlamat negara dapat difahami dan dihayati.

Senu Abdul Rahman (1971) yang membincangkan tentang "Revolusi Mental" telah menyatakan bahawa revolusi di Malaysia sering kali dikaitkan dengan unsur nasionalisme. Menurut beliau, apabila disebut revolusi, tidaklah bererti bahawa rakyat mahu bertindak secara liar, melupakan kebudayaan, adat

resam dan pegangan agama dengan terus menerus. Revolusi dalam istilah ini bukan berarti bahawa sesebuah bangsa itu mahu menghapuskan hak-hak orang lain atau menghalang kemajuan yang telah di kecapi oleh mereka. Tetapi revolusi yang dimaksudkan ialah kebangkitan semangat patriotisme dan nasionalisme rakyat dalam usaha mendaulatkan negara. Revolusi sebenarnya berpunca daripada perubahan asas pemikiran dan sistem yang mendasari sesuatu keadaan. Ia juga terjadi hasil dari perancangan dan tindakan secara sengaja manusia ke arah sesuatu perubahan. Revolusi sering dikaitkan dengan perubahan dalam bidang politik, atau kepimpinan dalam sesuatu komuniti atau sesebuah negara. Di negara yang pernah dijajah, revolusi selalunya berkait rapat, berlaku serentak atau dicetuskan oleh kesedaran politik dan kebangkitan semangat nasionalisme.

Menurut Zaid Ahmad (2006) dalam Buku Hubungan Etnik di Malaysia menghuraikan tentang karya popular oleh Ibnu Khaldun “Muqaddimah” telah memperkenalkan suatu teori sosial yang dikenali sebagai *assabiyah* atau perasaan cinta kepada kaum, puak, suku atau qabilah. *Assabiyah* ertinya semangat setia kawan. Menurut Ibnu Khaldun yang dimaksudkan dengan *assabiyah* bukanlah *assabiyah* kepada kaum atau suku yang sempit sepertimana yang telah diamalkan oleh orang Arab zaman Jahiliah, tetapi pengertian yang lebih luas yang boleh disama-ertikan dengan nasionalisme. Mengikut definisi ilmu politik, nasionalisme ialah perasaan cintakan bangsa dan negara sendiri, iaitu kasih sayang yang berarti cintakan kemajuan dan kemakmurannya. “Cintakan negara adalah sebahagian dari iman”. Sehubungan dengan itu, semangat *assabiyah* itu penting sebagai asas pembentukan semangat patriotisme dan nasionalisme sesebuah masyarakat khususnya bagi masyarakat berbilang kaum seperti Malaysia. Menurut Ibnu Khaldun, sebagai makhluk sosial, manusia berkomunikasi dan berinteraksi antara satu sama lain bagi memenuhi keperluan asas. Seseorang individu atau kelompok tidak akan berupaya memperoleh segala keperluan asasnya tanpa kerjasama dan bantuan individu atau kelompok lain. Begitu juga dengan sektor-sektor lain termasuk sektor politik, ekonomi, sosial, pendidikan dan kesenian yang memerlukan kerjasama yang erat antara sesama ahlinya dan juga antara mereka dengan pihak pemerintah.

Lantaran dari itu, dalam konteks Malaysia untuk melahirkan sebuah negara bangsa, pelbagai reaksi dan pandangan umum mengenai falsafah dan formula yang harus diterapkan ke dalam Wawasan 2020. Yang paling jelas ialah pandangan yang dikemukakan oleh Ibnu Khaldun. Menurut beliau, untuk mencapai sesuatu wawasan, negara haruslah mempunyai masyarakat yang sihat, beriman dan berakhlak. Seterusnya beliau menegaskan, kejayaan menjadi sebuah negara maju bukan sahaja bergantung pada teknologi canggih tetapi nilai-nilai keimanan bagi melahirkan masyarakat yang benar-benar seimbang dari semua aspek.

Pada masa yang sama terdapat kajian-kajian lepas yang telah membincangkan tahap patriotisme di kalangan generasi muda yang melibatkan aspek kesetiaan kepada institusi raja-raja, kerakyatan dan hal-hal yang berkaitan dengan isu-isu patriotisme berdasarkan kepada pengalaman negara – negara luar. Almond dan Verba (1965) yang

mengkaji isu-isu tersebut berdasarkan kepada lima buah negara iaitu Amerika Syarikat, Britain, Jerman, Itali dan Mexico. Kajian itu melibatkan responden yang tinggal di bandar raya, bandar dan perkampungan. Hasil kajian berdasarkan kepada isu “national pride” yang memperlihatkan responden berbangsa Amerika Syarikat merupakan golongan majoriti (85%) yang menyatakan bahawa mereka amat berbangga dengan aspek-aspek yang terlibat dalam sesebuah kerajaan seperti perlembagaan, kebebasan politik, demokrasi dan sebagainya, berbanding responden daripada Britain (46%), Jerman (7%), Itali (3%) dan Mexico (30%). Hal ini menggambarkan bahawa rakyat Amerika Syarikat lebih menghargai negaranya berbanding dengan negara-negara lain yang dikaji. Penghargaan kepada negara ini berupaya mencetuskan perasaan cintakan negara iaitu patriotisme dan nasionalisme.

Kajian lain juga mendapati, tahap patriotisme penduduk bagi sesebuah negara boleh dinilai berdasarkan kepada peristiwa semasa yang berlaku di negara mereka seperti ancaman dan cabaran terhadap negara. Situasi ini dapat dibuktikan melalui hasil tulisan Vail (2002) dan Gehring (2002) yang mendapati bahawa sebelum berlakunya peristiwa serangan ke atas World Trade Centre di New York, Amerika Syarikat pada 11 September 2001, pendidikan sivik yang mendedahkan para pelajar kepada semangat patriotisme, sistem demokrasi dan bagaimana untuk menjadi rakyat yang baik telah diabaikan. Walau bagaimanapun selepas peristiwa serangan tersebut, ramai ahli akademik dan juga golongan pemimpin mula menyedari keperluan untuk memantapkan dan mempertingkatkan semangat serta penghayatan patriotisme dalam kalangan masyarakat. Oleh yang demikian, pelbagai perancangan dan cadangan telah dibuat agar sistem pendidikan negara menekankan aspek ini seterusnya bergiat aktif dalam menghidupkan dan menyemarakkan semangat patriotisme dalam kalangan pelajar seperti menekankan pendidikan sivik, mengibarkan bendera Amerika dan melekatkan poster di bilik-bilik darjah dan di hadapan sekolah. Di samping itu, para pelajar juga dikehendaki memakai pakaian bermotifkan bendera Amerika iaitu merah, putih, biru dan menyanyi lagu patriotik. Menurut Vail, bekas Presiden Amerika George W. Bush juga menuntut agar para pelajar mempunyai semangat patriotik yang tinggi terhadap negara.

Sehubungan itu, kajian Gallup Poll (2003) mendapati bahawa jumlah rakyat Amerika yang berbangga menjadi rakyat negara tersebut ketika sebelum berlakunya tragedi serangan ke atas New York pada 11 September 2001 adalah 55 peratus sahaja. Walau bagaimanapun, tinjauan yang dibuat selepas tragedi tersebut telah menunjukkan perbezaan, yang mana didapati semakin ramai rakyat Amerika yang bersemangat patriotik dengan menyatakan bahawa mereka amat berbangga menjadi rakyat Amerika. Hal ini terbukti apabila 70 peratus daripada rakyat Amerika menyatakan semangat patriotik mereka melalui perasaan bangga menjadi warganegara Amerika. Dalam konteks ini ternyata bahawa sesuatu peristiwa penting yang berlaku dalam negara boleh membangkitkan semangat patriotisme dan nasionalisme sesebuah bangsa dan pada masa yang sama usaha ke arah menaikkan kembali semangat ini turut giat dilaksanakan. Hal ini selaras dengan apa yang dikemukakan oleh Taylor (2002) yang menegaskan bahawa tinjauan yang dibuat

oleh Harris Poll juga jelas menunjukkan bahawa selepas peristiwa serangan di New York, semangat patriotisme rakyat Amerika semakin berkobar-kobar.

Di samping itu, berikutan kes di China pula, rentetan daripada usaha pembinaan negara bangsa maka Turner (2000) yang telah menjalankan kajian di Hong Kong, mencadangkan bahawa kesetiaan kepada negara dan identiti nasional perlu diubahsuai bersesuaian dengan arus dunia pasca moden ini. Menurut beliau, pegangan rakyat terhadap nilai perpaduan, kesetiaan semangat cintakan negara semakin pudar. Beliau berpendapat bahawa rakyat Hong Kong boleh dibentuk melalui semangat kesetiaan yang kukuh, pola perpaduan yang teguh, hybridity dan kepelbagaian dalam dunia abad ke-19. Walau bagaimanapun, kenyataan beliau dicabar oleh Ryn (1994), di mana beliau berpendapat bahawa perlu wujud keseimbangan di antara identiti nasional dan kewarganegaraan kosmopolitan global.

Remaja dan Integrasi Nasional

Remaja merupakan aset yang bernilai kepada kepimpinan negara masa datang. Golongan remaja merupakan amanah besar yang perlu disemai dan mereka memegang tanggungjawab yang besar terhadap pembangunan negara menjelang 2020. Menurut Ezhar et al.(2006) menyatakan remaja merupakan berperanan sebagai agen memastikan keharmonian dan perpaduan negara terus berkekalan. Oleh itu, sifat toleransi antara kaum dan semangat negara bangsa perlu dipupuk dari semasa ke semasa. Tambahan lagi, beliau turut menyatakan bahawa remaja kini mempunyai sikap yang berbeza terhadap kepelbagaian kaum berbanding masa dahulu memandangkan remaja kini dibesarkan dalam persekitaran yang berbeza. Oleh itu, menjadi kepastian kepada khususnya remaja bersikap toleransi dan menjadi rakyat yang bersemangat patriotik kepada nusa dan bangsa.

Menurut Ezhar et al.(2006), kelestarian dan kestabilan sosial, ekonomi dan politik negara adalah bergantung kepada sejauh mana golongan belia menunjukkan sifat toleransi kepada masyarakat yang berlainan etnik. Masyarakat yang bersatu padu bakal melahirkan pemimpin yang berwibawa iaitu saling bergantung dan bekerjasama dengan baik, secara tidak langsung peranan terhadap negara sebagai rakyat menjadi agenda utama untuk terus berjaya dan cemerlang sebagai sebuah negara aman harmoni. Selain itu, golongan remaja perlu mengetahui tentang perpaduan dan mengamalkannya kerana perpaduan nasional dan integrasi merupakan inisi pati yang termaktub di dalam polisi pendidikan kebangsaan (Najeemah, 2006). Oleh itu, menjadi harapan negara agar perpaduan dapat dibentuk melalui sistem pendidikan yang berkesan. Najeemah juga turut menekankan dalam usaha untuk mewujudkan persefahaman dan saling menerima di kalangan etnik, golongan remaja perlu diberi peluang untuk berinteraksi sesama mereka yang berlainan kaum. Ini secara tidak langsung mewujudkan keserasian dan dapat mengelak daripada wujudnya semangat perkauman dalam diri remaja. Belia juga dilihat berdasarkan kepada sudut fizikal, tanggungjawab sosial dan kemampuan individu selaras dengan kehendak ahli dalam sesebuah masyarakat dan budaya yang dianggotainya (Jasimin dan Nora, 2000).

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan, persepsi dan pemahaman golongan remaja dalam konteks kesedaran dan penghayatan kepada semangat patriotisme.

METODOLOGI KAJIAN

Bahagian ini membincangkan mengenai metodologi yang digunakan seterusnya termasuk pensampelan dan lokasi kajian, instrumen kajian, pengumpulan data serta penganalisan data.

Sampel kajian: Responden kajian adalah seramai 1010 orang pelatih PLKN yang berumur 17 tahun hingga 21 tahun yang terdiri daripada remaja yang masih menjalani PLKN dan dipilih secara rawak seluruh Malaysia. Responden terdiri daripada pelbagai kaum iaitu Melayu, Cina dan India serta mempunyai latar belakang yang berlainan. Pemilihan responden adalah berdasarkan pensampelan rawak mudah berkelompok iaitu tempat dipilih secara rawak daripada setiap kawasan mengikut zon.

Lokasi kajian: Pemilihan responden adalah berdasarkan pensampelan rawak mudah berkelompok iaitu tempat dipilih secara rawak daripada setiap kawasan mengikut zon. Pemilihan mengikut zon telah di bahagikan kepada lima pembahagian zon iaitu Zon Utara (Perlis, Penang dan Kedah), Zon Timur (Kelantan, Terengganu dan Pahang), Zon Tengah (Perak, Selangor dan Kuala Lumpur), Zon Selatan (Johor, N.Sembilan dan Melaka) dan Zon Malaysia Timur (Sabah dan Sarawak).

Instrumen kajian: Kaedah utama penyelidikan ini dilaksanakan ialah melalui teknik survei dengan menggunakan borang soal selidik. Borang soal selidik direka-bentuk sebagai satu instrumen kajian bagi mencari jawapan kepada persoalan yang dikemukakan khususnya dalam konteks untuk memenuhi objektif kajian. Borang soal selidik yang digunakan telah dibahagikan kepada enam bahagian utama iaitu Bahagian A ialah maklumat latar belakang responden yang mempunyai soalan asas merangkumi umur, maklumat ibu bapa, pendidikan, tempat tinggal dan pelbagai lagi. Bahagian B ialah pengetahuan responden tentang perkara-perkara asas tentang patriotisme yang merangkumi 10 soalan. Bahagian C ialah persepsi responden tentang patriotisme dan beberapa perkara asas berkaitan dengan bidang kajian yang terdiri daripada 13 soalan. Bahagian D ialah pemahaman responden terhadap beberapa perkara yang berkaitan dengan semangat patriotisme yang merangkumi 14 soalan. Bahagian B hingga Bahagian D adalah soalan yang menggunakan skala Likert dalam membuat pengukuran (1 hingga 5) iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju. Bahagian terakhir ialah bahagian E iaitu soalan pengetahuan umum yang melibatkan unsur-unsur kenegaraan. Soalan bahagian ini berbentuk dwi jawapan dan responden perlu menjawab sama ada betul atau salah.

Pengumpulan dan penganalisan data: Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan memberikan fokus kepada golongan remaja yang mengikuti PLKN. Pendekatan kuantitatif digunakan melalui teknik pengumpulan data menggunakan borang soal selidik. Kaedah ini mampu memberikan gambaran yang jelas untuk memahami perubahan tingkah laku manusia (Syed Arabi, 2002). Nilai min digunakan untuk membuat perbandingan mengikut kategori iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Antara lain terdapat hasil kajian yang menggunakan kaedah dan analisis kajian meliputi penggunaan ujian T-Test bagi menguji perbezaan min jantina dan analisis ujian One Way ANOVA bagi mengukur perbezaan perbandingan mengikut bangsa.

Maklumat Latar Belakang Responden

Berdasarkan kepada profil umum responden, sampel kajian yang diambil adalah menyeluruh menepati objektif kajian yang memfokuskan terhadap pelatih PLKN. Oleh itu, sebahagian besar responden dalam kajian ini meliputi mereka yang berumur 17 dan 18 tahun iaitu sebanyak 96.5%. Begitu juga dalam konteks jantina yang seimbang antara lelaki sebanyak 53% dengan perempuan sebanyak 47%. Dari segi taburan negeri pula boleh dikatakan ia meliputi responden dari seluruh Malaysia walaupun kebanyakan daripada mereka berasal dari Johor iaitu sebanyak 22.8% dan Kedah sebanyak 21%. Pada masa yang sama responden daripada negeri-negeri lain juga turut terlibat walaupun dalam jumlah yang kecil. Umpamanya Negeri Sembilan sebanyak 0.8% dan Pahang hanya 0.4%. Taburan dari aspek kumpulan etnik juga menyeluruh walaupun didominasi oleh kumpulan etnik Melayu sebanyak 55.2% dan Cina sebanyak 25.5%, kumpulan etnik lain juga mempunyai wakil seperti Bumiputera Sabah dan Sarawak, Punjabi, Siam, Sino dan pelbagai lagi. Keadaan ini menggambarkan kedudukan kaum-kaum di Malaysia yang mempunyai masyarakat berbilang kaum.

Selain dari itu, taburan dari segi agama juga memaparkan keadaan sebenar rakyat Malaysia, di mana kebanyakan responden adalah beragama Islam sebanyak 59.3% diikuti dengan agama Buddha sebanyak 22.7%. Penganut agama-agama lain juga turut menjadi sampel kajian seperti Hindu, Kristian, Sikh, Taoisme, Buddha Thai dan lain-lain lagi walaupun dalam jumlah yang kecil. Taburan tempat tinggal responden juga menyeluruh meliputi kawasan bandar, pinggir bandar dan desa di samping kawasan kediaman yang terdiri daripada satu etnik sebanyak 34.8% dan pelbagai etnik sebanyak 65.2%. Begitu juga dengan tahap pendidikan ibu bapa responden yang terdiri daripada pelbagai peringkat pendidikan. Kesemua faktor-faktor tersebut mempengaruhi cara gaya kehidupan seseorang responden yang pasti akan memberikan impak terhadap dapatan kajian ini. Oleh yang demikian, segala hasil penyelidikan adalah bergantung sepenuhnya kepada kejujuran dan ketelusan responden dalam memberikan maklum balas terhadap perkara-perkara yang dikemukakan dalam kajian ini.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian mefokuskan kepada tiga elemen utama iaitu **pengetahuan, persepsi** dan **pemahaman** remaja terhadap semangat patriotisme.

Dapatan kajian melalui perbandingan menggunakan lima skala likert membuktikan bahawa pelbagai program telah dilaksanakan bagi meningkatkan lagi semangat patriotisme golongan remaja. Keadaan ini jelas dengan peningkatan pada dapatan kajian tahap pengetahuan, persepsi dan pemahaman remaja yang menunjukkan pada tahap yang juga tinggi dengan min pengetahuan umum pelatih ialah **4.19389** dengan sisihan piawai **0.4716**, min persepsi umum pelatih ialah **4.6529** dengan sisihan piawai **0.5646** dan min pemahaman umum pelatih ialah **4.1642** dengan sisihan piawai **0.4819**

Ujian Statistik t

Didapati min pengetahuan bagi lelaki dan perempuan ialah 41.5 dan 42.5 dengan sisihan piawai iaitu 4.99 dan 4.28. Disamping itu, min persepsi bagi lelaki dan perempuan ialah 4.62 dan 4.71 dengan sisihan piawai iaitu 7.87 dan 6.55. Manakala min pemahaman bagi lelaki dan perempuan ialah 4.15 dan 4.17 dengan sisihan piawai iaitu 7.14 dan 6.22.

Data ini menggambarkan bahawa tahap pengetahuan, persepsi dan pemahaman di antara responden lelaki dan perempuan tidak wujud perkaitan yang signifikan. Ia menunjukkan bahawa faktor jantina tidak mempengaruhi apa-apa keputusan terhadap pengetahuan, persepsi dan pemahaman responden patriotisme.

Cabaran dan penglibatan antara jantina tidak memainkan peranan penting dalam mencapai matlamat sesuatu. Semua kejadian manusia adalah sama. Maka dalam perkara ini, pelbagai perancangan boleh dibuat kerana antara lelaki dan perempuan tidak terdapat perbezaan yang begitu ketara dari segi penerimaan dan pelaksanaan program.

Ujian Statistik ANOVA

Perbezaan pengetahuan mengikut bangsa terhadap semangat patriotisme adalah berbeza bagi setiap bangsa. Dapatan kajian menunjukkan antara bangsa paling tinggi nilai min yang berpengetahuan terhadap patriotisme adalah bangsa Melayu. Didapati min bagi bangsa Melayu ialah 4.32427, seterusnya diikuti dengan Bumiputera Sabah dan Sarawak ialah 4.14516, bangsa Cina 4.03903 dan bangsa India 4.00088. Hal ini menggambarkan bahawa bangsa Melayu adalah paling ramai yang berpengetahuan terhadap patriotisme.

Dari segi perbandingan bangsa melalui persepsi responden terhadap aspek yang dikaji menunjukkan min bagi bangsa Melayu ialah 4.7851, Bumiputera Sabah dan Sarawak ialah 4.6469, bangsa India 4.54181 dan bangsa Cina 4.44295. Keseluruhan persepsi mengikut bangsa adalah menunjukkan majoriti oleh bangsa

Melayu dan Bumiputera Sabah dan Sarawak. Hal ini menunjukkan bahawa bangsa Melayu serta Bumiputera Sabah dan Sarawak berperanan besar dalam mengekalkan persepsi yang positif terhadap negara. Tidak dinafikan juga penglibatan bangsa Cina dan India namun begitu dapatan kajian ini menunjukkan bahawa bangsa Cina dan India memberi impak berbeza dari segi persepsi terhadap negara.

Perincian terhadap pemahaman mengikut bangsa dapat dilihat melalui dapatan kajian yang membuktikan bahawa min bagi bangsa Melayu ialah 4.23101, Bumiputera Sabah dan Sarawak ialah 4.13458, bangsa India 4.12452 dan bangsa Cina 4.04788. Seperti mana yang telah diketahui melalui pengamatan hasil pengetahuan dan persepsi mengikut bangsa juga menunjukkan bahawa bangsa Melayu dan Bumiputera Sabah dan Sarawak masih mengekalkan dominasi terhadap pemahaman patriotisme. Bangsa Melayu adalah bangsa paling tinggi menunjukkan pemahaman terhadap perkara ini, disusuli oleh Bumiputera Sabah dan Sarawak seterusnya bangsa India dan Cina.

ANALISIS PERBINCANGAN KESELURUHAN

Patriotisme bukan sekadar semangat tetapi lebih dari itu dan ia merupakan sesuatu yang agung melibatkan soal kesetiaan, kewarganegaraan, jati diri, keyakinan, keberanian, kemerdekaan dan kedaulatan (Raja Ruslan, 2008). Maka dengan itu perancangan kerajaan telah menggunakan pendekatan yang menyeluruh dan bersepadu dengan acuan tersendiri untuk disesuaikan kepada masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.

Berdasarkan kepada hasil kajian terhadap pengetahuan, persepsi dan pemahaman remaja khususnya pelatih membuktikan tahap kesedaran terhadap semangat patriotisme golongan remaja berada pada tahap yang cemerlang. Perkara dapat dibuktikan melalui dapatan kajian dari tiga bahagian utama iaitu pengetahuan, persepsi dan pemahaman responden. Ketiga-tiga bahagian ini memaparkan dapatan yang tinggi dengan peratusan melebihi 80%.

Pengetahuan umum responden terhadap semangat patriotisme, elemen-elemen kenegaraan, Rukun Negara, semangat perpaduan, semangat kesukarelawanan dan kepimpinan adalah pada tahap tinggi iaitu 83.5%. Perincian terhadap hasil kajian tersebut dapat dilihat melalui beberapa aspek yang diberikan penekanan utama. Berdasarkan kepada beberapa aspek tersebut, responden yang mempunyai pengetahuan mengenai patriotisme (81.8%), nasionalisme dan kenegaraan (80.4%), Rukun Negara (93.8%), semangat perpaduan (92.8%), semangat kesukarelawanan (81.1%) dan konsep kepimpinan (77.3%) daripada jumlah keseluruhan responden. Dalam pada itu, responden yang mempunyai pengetahuan bahawa patriotisme mengajar tentang kesukarelawanan serta keprihatinan untuk berjasa kepada bangsa dan negara (91%) daripada jumlah keseluruhan responden.

Dari segi persepsi umum responden terhadap aspek yang dikaji adalah pada tahap positif dengan peratusan keseluruhan sebanyak 98.6%. Perincian terhadap persepsi umum tersebut dapat dilihat melalui beberapa pandangan responden terhadap perkara berikut; Pembinaan negara bangsa dapat melahirkan insan yang cemerlang (90.7%), subjek Sejarah, Pengajian Am dan Pendidikan Moral menerapkan semangat patriotisme (93.1%), berfikiran positif terhadap negara (86.2%), menghayati wawasan negara (84.1%), bersedia menjaga keselamatan negara (81.7%) dan masalah negara adalah masalah saya (80.1%) daripada jumlah keseluruhan responden.

Pemahaman umum responden juga pada tahap tinggi iaitu sebanyak 83.1%. Perincian terhadap pemahaman umum tersebut dapat dilihat melalui beberapa pemahaman responden terhadap perkara berikut; konsep patriotisme (74.7%), konsep nasionalisme (75%), Rukun Negara (88.4%), kepimpinan (81.3%), semangat patriotisme dan nasionalisme merupakan konsep yang perlu dipraktikkan (89.7%), memahami makna kenegaraan (84.3%). Di samping itu, responden yang memahami bahawa aktiviti pembinaan negara bangsa dilaksanakan untuk mewujudkan semangat patriotik dan semangat cintakan negara (94.4%) daripada jumlah keseluruhan responden.

Secara kesimpulannya, dapat dirumuskan bahawa tahap kesedaran semangat patriotisme golongan remaja adalah tinggi. Kebanyakan responden menunjukkan mereka prihatin terhadap hal ehwal yang melibatkan kepentingan negara. Mereka bukan sahaja telahpun mempunyai pengetahuan yang tinggi, persepsi yang positif dan pemahaman yang baik malah mempunyai kecenderungan untuk menyumbangkan jasa bakti mereka kepada negara. Cuma masa dan keadaan yang belum mengizinkannya. Sebagai contoh, lebih dari 80% responden berpandangan yang mereka berfikiran positif terhadap negara dan bersedia menjaga keselamatan negara pada bila-bila masa sahaja. Gambaran ini jelas menunjukkan bahawa mereka mempunyai semangat patriotisme yang tinggi. Dapatan ini mungkin menimbulkan tanda tanya pada banyak pihak memandangkan generalisasi umum mengatakan bahawa semangat patriotisme golongan remaja hari ini semakin terhakis. Tetapi dapatan kajian ini dapat menyangkal dakwaan berkenaan melalui bukti-bukti yang telah ditunjukkan di atas. Tanggapan yang mengatakan semangat patriotisme golongan remaja hari ini semakin terhakis mungkin tepat pada sebilangan kecil remaja sahaja.

KESIMPULAN

Setiap perancangan dan tindakan perlu idealistik agar seiring dengan tuntutan perubahan zaman yang semakin rencam kini. Pembangunan ilmu perlu diutamakan dalam kerangka mengekalkan dan membentuk generasi remaja yang berpengetahuan tinggi supaya mereka mampu menangkis segala bentuk cabaran yang bakal ditempuhi. Penghayatan semangat patriotisme akan melahirkan jati diri remaja yang berjiwa merdeka, berwawasan, berkaliber, berketrampilan,

berkeyakinan dan dapat memberikan sumbangan bermakna ke arah pembangunan negara serta kesejahteraan masyarakat umumnya. Hal ini kerana jaminan masa depan negara terletak di tangan generasi remaja hari ini. Lumpuh generasi remaja hari ini maka gelaplah masa depan negara dan begitulah sebaliknya. Sehubungan dengan itu, adalah wajar sekiranya pihak pemerintah meneruskan dan memantapkan lagi pelbagai program dan membaiki penyampaian maklumat serta manambahbaikkan sistem pendidikan negara demi kesejahteraan dan masa depan negara dalam konteks membangunkan golongan remaja masa kini dengan nilai-nilai murni satu Malaysia sebagai persediaan di hari muka yang penuh mencabar. Namun begitu, timbul beberapa persoalan dalam senario hari ini iaitu bagaimana pula dengan kedudukan dan semangat golongan remaja yang tidak mahu mengetahui patriotisme? Bagaimana perasaan mereka terhadap negara? Adakah mereka juga mempunyai semangat patriotisme yang tinggi? Oleh itu, untuk memastikan mereka tidak tercicir maka mereka juga perlu dilibatkan dan tidak diabaikan peranan mereka dalam hal ini. Ini kerana di era globalisasi ini golongan remaja lebih mudah terjebak dengan aktiviti yang membazir masa, terlibat dalam gejala sosial dan berkecenderungan untuk melakukan aktiviti yang kurang sihat sekiranya tidak dikawal dan tidak dididik dengan ilmu pengetahuan yang sempurna. Lantaran dari itu, semua pihak perlu berganding bahu dengan pihak pemerintah bagi memberikan perhatian serius dalam perkara ini supaya gejala yang tidak sihat tidak terus membelenggu golongan remaja yang boleh menjejaskan masa depan negara. Walaupun jumlah remaja yang terlibat dengan pelbagai masalah ini masih pada kadar yang kecil, tetapi sekiranya tidak dikawal rapi ia boleh merebak menjadi barah kepada negara. Perhatian terhadap pembangunan remaja perlulah menyeluruh tanpa mengira agama, bangsa mahupun asal keturunan.

Pembangunan golongan remaja perlu didasarkan pada satu prinsip dan falsafah yang kuat dengan mengambil kira semua aspek termasuklah perubahan semasa yang tidak boleh dibendung lagi. Pendidikan mengenai isu-isu remaja di negara ini perlu sejajar dengan hasrat pihak pemerintah untuk membina jati diri golongan remaja yang berdaya maju, tinggi dengan semangat patriotik dan bersifat nasionalis serta dapat memahami nilai-nilai kenegaraan dengan sempurna. Penghayatan patriotisme remaja mesti dimantapkan supaya dapat menjadi anak bangsa dan insan yang berwibawa, berdedikasi dan berjiwa merdeka dengan semangat yang kental untuk mendaulatkan negara.

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa usaha murni pihak pemerintah untuk menyemarakkan semangat patriotisme dalam diri remaja hari ini melalui pelbagai program dan pendedahan adalah satu usaha yang cukup bermakna demi masa depan negara. Golongan remaja pula perlu menyahut seruan pihak pemerintah untuk menjadi seorang insan yang berguna untuk negara dan memberikan sumbangan terbaik ke arah kemajuan serta terus mendaulatkan tanah air tercinta. Segala bentuk perbezaan yang wujud antara kaum, warna kulit dan fahaman perlu dihapuskan dan keutuhan perpaduan harus diutamakan. Ini kerana formula kejayaan dalam konteks masyarakat berbilang kaum di Malaysia ialah atas dasar

permuafakatan dan kerjasama yang harmoni. Ibarat kata pepatah Melayu, “bulat air kerana pembentungnya, bulat manusia kerana muafakatnya”, dan “bersatu kita teguh, bercerai kita roboh”. Lantaran itu, penghayatan kepada semangat patriotisme perlu diperteguhkan, prinsip Rukun Negara harus dipraktikkan, perpaduan dan integrasi nasional perlu dimantapkan dan negara bangsa yang bersatu padu harus direalisasikan. Dengan itu bangsa Malaysia akan terus berdaulat. “Satu Malaysia” menjadi gagasan yang penuh hikmah.

RUJUKAN

- Abd. Rahim Abd. Rashid. 2004. *Patriotisme: Agenda Pembinaan Bangsa*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Abd. Rahim Abd Rashid. 1999. *Pendidikan Sejarah: Falsafah, Teori dan Amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Abdul Rahman Embong (ed). 2006. *Negara-Bangsa: Proses dan Perbahasan*. Bangi, Selangor: Penerbit UKM.
- Abdul Rahman Haji Ismail. 1995. Nasionalisme Melayu dan Nasionalisme Melayu Setanah Melayu : Satu Perbincangan Tentang Soal Permulaannya. Dlm. Abu Talib Ahmad dan Cheh Boon Kheng (pnyt.). *Isu-Isu Pensejarahan*. Pulau Pinang : Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Abdul Rahman Ismail. 2006. *Nasionalisme dan Revolusi di Malaysia dan Indonesia*. Dlm. Rahman, I., Amzi, A., & Nazarudin, Z. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Acton, Lord. 1972. *Nationality, Essays on Freedom and Power*, Gloucester: Peter Smith, 141–70
- Almond, Gabriel A. dan Verba, Sidney. 1965. *Civic Culture*. Boston : Little, Brown & Co.
- Almond, Gabriel dan Verba, Sidney. 1963. *The Civic Culture: Political Attitudes and Democracy in Five Nations*. Princeton, New Jersey : Princeton University Press.
- Curti, M. 1946. *The roots of American loyalty*. New York: Columbia University Press.
- David, A. 1999. Should We Teach Patriotism?. (157-173). Netherlands. Kluwer Academic Publishers.
- Ezhar Tamam et al. 2006. *Relationship Of Exposure To Public Affairs News With Cognitive, Attitudinal And Behavioural Dimensions Of Ethnic Tolerance Among Malaysian Youths*. *Kajian Malaysia*, V. 24 No. 1 & 2.171-184

- Fairbrother, G. P. 2005. *Raising a new generation of patriots: Patriotism in eyes of Chinese education and students* (GIS Working Paper No. 14) Hong Kong Baptist University, Department of Government and International Studies.
- Kedourie, Elie. 1985, *Nationalism*, 3rd ed., London: Hutchinson.
- Kohn, Hans. 1967. *Idea of Nationalism*. New York: Collier Book.
- Hassan Ahmad. 2003. Budaya Bangsa dan Tahap Penghayatan Generasi Muda dalam Masyarakat Malaysia. Kertas Kerja Kolokium Kefahaman Seni dan Budaya di IPT, 27 Disember, KUTKM, Melaka.
- Jamil Mukmin. 2005. Patriotisme dalam Konteks Pembinaan Bangsa Malaysia. *Belia dan Patriotisme Malaysia*. Dlm Hussain Mohamad. Melaka: IKSEP.
- Jasimin Ahmad dan Nora Selamat. 2000. Rakan Muda sebagai penyumbang kemajuan. Kuala Lumpur. Goodmark Enterprise.
- Kymlicka, Will. 1995. *Multicultural Citizenship: A Liberal Theory of Minority Rights*. Oxford: Oxford University Press. p. 16. ISBN 0198290918.
- Kohn, Hans. 1967. *Idea of Nasionalisme*. New York: Collier Book.
- Najeemah, M.Y. 2006. Patterns of social interaction between different ethnic groups in Malaysia secondary school. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 21, 146-164.
- Najeemah, M.Y. 2006. Patterns of social interaction between different ethnic groups in Malaysia secondary school. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 21, 146-164.
- Nathanson, Stephen 1993. *Patriotism, Morality, and Peace*, Lanham: Rowman & Littlefield.
- Orwell, George 1968, Notes on Nationalism, *Collected Essays*, Journalism and Letters, Sonia Orwell and Ian Angus (eds.), London: Secker & Warburg, vol. 3, 361–80.
- Putman, E.D. 1998. Teaching about Patriotism: An *Assesment Of Teacher Attitudes And Classroom Practices*. Tesis PhD. University Of Tennessee.
- Radin Soenarno. 1960. Malay Nationalism 1900-1941. *Journal of South East Asian History*. Jilid. 1, Bil. 1 (Mac), hlm. 1-28.

- Raja Ruslan Raja Samah. 2005. Patriotisme dan Globalisasi. Dalam *Belia dan Patriotisme Malaysia*. Ed. Hussain Mohamed. Melaka : Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia.
- Roff, W.R. 1967. *The Origins of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Rush, M. 1992. *Politics and Society: An Introduction to Political Sociology*. Hertfordshire: Simon & Schuster International Group.
- Rustam A. Sani. 1983. Robohan Nasionalisme Melayu : Asas Sosial bagi Terbentuknya Ideologi Perpaduan Nasional. *Ilmu Masyarakat*. Bil. 4. hlm. 9-15.
- Ryn, C. 1994. National Identity as an Issue of Knowledge and Morality in: Timothy Yuen & Michael Byram, (2007). National Identity, Patriotism and Studying Politics in Schools: *a case study in Hong Kong* (vol 37, No.1, pp. 23-36). Hong Kong Institute of Education, Hong Kong, University of Durham, UK
- Saifuddin Abdullah. 2005. Patriotisme Alaf Baru: Dari Semangat kepada Khidmat. *Belia dan Patriotisme Malaysia*. Dlm Hussain Mohamed. Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia , IKSEP.
- Schatz, R. T., Staub, E., Lavine, H. 1999. On the varieties of national attachment: Blind versus constructive patriotism. *Political Psychology*, 20, 151- 174.
- Senu Abdul Rahman, Ali Ahmad, Rais Sariman et al. 1971. *Revolusi Mental*. Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu
- Smith, Anthony D. 1993. National Identity. Reno: University of Nevada Press. ISBN 0874172047. <http://books.google.com/?id=bEAJbHBIXR8C>.
- Syed Arabi Idid. 2002. *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Taylor, H. 2000. Pride in America. The Harris poll. 27 Jun. (http://www.harrisinteractive.com/harris_poll/index.asp?PID=305).
- Turner, B. 2000. Liberal Citizenship and Cosmopolitan Virtue, in: Timothy Yuen & Michael Byram, (2008). National Identity in Hong Kong Schools. Institute of Education, Hong Kong, University of Durham, UK (pp. 31-36)
- Walter Berns. 1997. *Patriotism. Speeches and Testimony*. AEI Bradley Lecture Series

Nathanson, Stephen 1993. *Patriotism, Morality, and Peace*, Lanham: Rowman & Littlefield.

Zaid Ahmad (et. al). 2006. *Hubungan Etnik di Malaysia*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Profil Penulis

Mohd Hairul Anuar Razak, MSc
Pelajar Sarjana Falsafah
Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia (UPM)

Jayum A. Jawan, PhD
Professor
Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia (UPM)
Adlina Hj. Abd. Halim, PhD
Pensyarah Kanan
Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia (UPM)

Mohd Mahadee Ismail, MSc
Pensyarah Kanan
Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia (UPM)

Siti Aishah Misri, BSc
Pelajar Sarjana
Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia (UPM)

PEMAHAMAN DAN PERSEPSI MAHASISWA TERHADAP NILAI ASPIRASI 1MALAYSIA

CHARANJIT KAUR, NOR AZLILI HASSAN, NORAZILAH BUHARI
& NAZIRAH ISMAIL

ABSTRAK

Kepelbagaian budaya dan agama adalah satu rahmat dan kekuatan bagi negara yang mempunyai komposisi etnik yang majmuk sifatnya. Memandangkan manusia seringkali berada dalam garis etniknya, maka isu perpaduan nasional menjadi agenda utama untuk memupuk dan memantapkan semangat kekitaan dalam masyarakat, terutamanya dalam kalangan mahasiswa yang bakal menerajui kepimpinan masa hadapan. Justeru, kefahaman mahasiswa terhadap nilai perpaduan yang dibangkitkan melalui gagasan 1Malaysia sangat mustahak untuk dinilai sebagai gambaran tahap perpaduan dalam kalangan mereka. Menariknya, nilai tersebut bukan sahaja mengutamakan persaingan dalam persekitaran global untuk meningkatkan mutu kerja malah mampu melonjakkan pertumbuhan ekonomi negara. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap pemahaman dan persepsi mahasiswa etnik majoriti iaitu Melayu, Cina dan India mengenai budaya ilmu dan budaya inovasi sebagaimana yang terdapat dalam nilai aspirasi 1Malaysia. Data kajian kuantitatif ini dikutip melalui survei ke atas 800 orang mahasiswa di empat buah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan tiga institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) sekitar Lembah Klang. Dapatan kajian yang diperoleh dianalisis mengikut kategori sosial gender dan etnik. Penemuan kajian menunjukkan bahawa mahasiswa IPTA dan IPTS masing-masing mempunyai pemahaman dan persepsi yang baik mengenai budaya ilmu dan budaya inovasi walaupun berbeza gender dan etnik.

Kata Kunci: Nilai Aspirasi, Budaya Ilmu, Budaya Inovasi, Gender Dan Etnik

ABSTRACT

Cultural and religious diversity is a blessing and strength for a country with its diverse ethnic composition. Since human being living in their own ethnic circle, hence the issue of national unity becomes an important agenda to foster and strengthen a sense of belonging within the community of diverse backgrounds, especially among the graduates who will helm the future. Thus, the aspirations values raised through the 1Malaysia concept are very important to be appraising as an initial overview of their level of integration. Interestingly, these values are not only prioritize competition in the glocal environment to improve the quality of work but also able to propel nation economic growth. Therefore, this study was undertaken to determine the level of understanding and perceptions of the majority ethnic groups of Malays, Chinese and Indians on cultural knowledge and innovation culture as sculpted in the 1Malaysia aspiration values. This quantitative data was collected through a

survey of 800 undergraduates at four institutions of higher learning (IPTA) and three private higher education institutions (IPTs) in the Klang Valley. The findings were analyzed according to gender and ethnic social lines. The findings showed that university students in the public and private institutions both have a good understanding and perception on the cultural knowledge and innovation culture even though their gender and ethnicity are different.

Keywords: Aspirations, Knowledge Culture, Innovation Culture, Gender And Ethnicity

PENGENALAN

Kepelbagaian budaya dan agama adalah satu rahmat dan kekuatan bagi negara yang mempunyai komposisi etnik yang majmuk sifatnya. Memandangkan manusia seringkali selesa berada dalam lingkaran etniknya, maka isu perpaduan nasional menjadi agenda utama untuk memupuk dan memantapkan semangat kekitaan sesama masyarakat yang berbagai latar belakang. Bagi rakyat Malaysia khususnya, perpaduan yang sedia terjalin di antara kaum perlu diperkukuhkan lagi bagi mewujudkan suasana negara yang lebih aman, progresif dan dinamik. Sehubungan dengan itu, gagasan 1Malaysia yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri keenam, Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak adalah berketetapan untuk melahirkan masyarakat yang madani lagi makmur. Ia merupakan sebuah model untuk memperkasa perpaduan (PPM, 2009) dan satu strateginya ialah untuk mencapai aspirasi negara iaitu Wawasan 2020 (Jurij Jalaludin, 1991).

Pada umumnya, gagasan 1Malaysia adalah lanjutan daripada usaha kerajaan terdahulu dan masih berterusan seperti Dasar Ekonomi Baru, Rukun Negara, Dasar Pembangunan Nasional, Dasar Sosial Negara dan sebagainya agar pencapaian negara dapat dipertingkatkan. Kata semboyan yang sering kedengaran adalah 'Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan' sebenarnya adalah moto yang dijelmakan dan boleh diukur menerusi elemen ekonomi, politik dan sosial. Matlamat unggul 1Malaysia adalah untuk mencapai perpaduan nasional yang berteraskan kepada lapan nilai aspirasi yang seharusnya menjadi amalan rakyat Malaysia. Secara ringkasnya, lapan nilai aspirasi yang boleh menjadi asas perpaduan yang utuh adalah:

- (i) budaya berprestasi tinggi – melaksanakan tugas pada tahap yang terbaik dan mengenyepikan sikap 'acuh tak acuh'
- (ii) budaya ketepatan – sikap menepati masa dan cekap dalam melakukan tugasan
- (iii) budaya ilmu – kesediaan menuntut ilmu walaupun berdepan dengan cabaran
- (iv) integriti – bersih, cekap dan amanah agar disegani dan dihormati
- (v) ketabahan – bersedia menghadapi cabaran, sabar dan tidak mudah mengaku kalah;
- (vi) kesetiaan – kesanggupan untuk berkorban demi negara

- (vii) kebijaksanaan – menghadapi situasi dan masalah dengan pendekatan berhemat agar tidak menyinggung mana-mana pihak
- (viii) budaya inovasi – berani menceburi dalam pelbagai bidang baru dan menjadi perintis

(Aizat Khairi, 2011)

Nilai aspirasi memperhebatkan nilai-nilai murni sejagat yang boleh diamalkan oleh setiap rakyat Malaysia yang pelbagai latar budayanya. Nilai-nilai ini bukan sahaja dapat membentuk keperibadian insan yang mulia tetapi pada masa yang sama penting untuk memantapkan lagi hubungan sesama manusia. Umpamanya, nilai kesetiaan, kebijaksanaan dan integriti adalah perkara asas yang dapat memupuk semangat cintakan negara dan bersikap rasional dalam membuat keputusan khasnya yang melibatkan kaum lain. Ini disusuli dengan nilai-nilai moral lain seperti sikap menghormati, keikhlasan dan saling mempercayai antara kaum penting untuk mengekalkan kesepaduan sosial yang dinikmati sehingga kini. Selain itu, nilai ketabahan, budaya berprestasi tinggi, budaya ketepatan, budaya ilmu dan budaya inovasi masing-masing adalah intipati utama dalam membentuk acuan sahsiah insaniah buatan sendiri yang dapat menyumbang kepada keharmonian hidup bermasyarakat di negara ini. Kesemua nilai aspirasi ini seiring dengan sifat universal yang dipegang oleh pelbagai masyarakat dunia seperti bersikap jujur, bercakap benar, telus, ikhlas dan amanah terutama ketika berkhidmat dan melaksanakan tanggungjawab kepada negara dan masyarakat.

Oleh yang demikian, nilai-nilai ini penting sebagai komoditi utama negara yang mempunyai rakyat yang berdedikasi dan komited untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh iltizam, azam dan tekad demi kepentingan serta kemajuan negara dan manusia sejagat. Justeru, setiap ahli masyarakat harus menunjukkan kesetiaan tidak berbelah bahagi kepada negara ini dan berusaha untuk berbakti dengan adil dan berintegriti. Apa yang pasti, gagasan 1Malaysia menerusi nilai aspirasi adalah pemangkin untuk mewujudkan sebuah negara bangsa yang menjadi idaman dan impian rakyat Malaysia. Nilai-nilai tersebut menekankan aspek kesamaan dan semangat kekitaan yang menjadi cagak utama dalam hidup bermasyarakat yang diamalkan sejak zaman-berzaman. Tegasnya, impian untuk membina negara bangsa bergantung kepada perkongsian nilai integriti, kebolehan, dedikasi dan kesetiaan sesama masyarakat.

TINJAUAN LITERATUR

Kajian pemahaman gagasan 1Malaysia dalam kalangan pelajar IPT telah dilakukan oleh Nor Suhaiza Md Khalid, Zarina Mohd Zain dan Farah Adilla Abdul Rahman (2011). Kajian soal selidik ke atas 250 orang pelajar dari lima buah IPT di Melaka bertujuan untuk melihat kesedaran dan mengkaji tahap pemahaman mereka terhadap konsep 1Malaysia di samping mengetahui medium yang digunakan untuk menwar-warkan konsep tersebut agar semua rakyat memahaminya. Dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa seramai 233 responden memahami konsep 1Malaysia

manakala 17 lagi tidak. Kajian tersebut merumuskan bahawa kebanyakan responden memahami kepentingan konsep 1Malaysia sebagai alat untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum. Meskipun kajian ini melihat pemahaman pelajar IPT terhadap gagasan 1Malaysia, namun persoalan khususnya yang melibatkan pemahaman lapan nilai aspirasi yang penting dalam gagasan tersebut tidak diajukan kepada mahasiswa. Justeru, makalah ini berusaha untuk memaparkan pemahaman dua aspek utama dalam nilai aspirasi.

Sementara itu, Ani Omar (2010) pula mengupas tiga teras dalam gagasan 1Malaysia iaitu prinsip penerimaan, prinsip kenegaraan dan keadilan sosial. Ini kemudiannya disokong oleh empat nilai murni iaitu kesederhanaan, rendah hati, berbudi bahasa dan hormat menghormati di samping nilai-nilai sejagat yang lain seperti nilai muafakat, bekerjasama, tolong menolong, nilai kepatuhan, nilai kejiranan, nilai keadilan dan nilai kegigihan yang dikaitkan dengan Adat Perpatih. Ani Omar cuba mengaitkan kesamaan nilai-nilai aspirasi dalam gagasan 1Malaysia dengan falsafah dan nilai-nilai murni yang terkandung di dalam tradisi Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Kajian beliau yang bertajuk 'Melestarikan Adat Perpatih dalam Gagasan Satu Malaysia' merumuskan bahawa Adat Perpatih boleh menjadi benteng yang kuat lagi kukuh, bukan sahaja dapat menepis kemasukan gejala negatif tetapi juga memberi identiti, jati diri serta berkemampuan untuk maju mengikut masa dan persekitaran sesuai dengan konsep gagasan Satu Malaysia bagi memperkukuhkan hubungan kaum.

Ringkasnya, kajian nilai aspirasi dalam kalangan mahasiswa IPTA dan IPTS adalah sesuatu yang belum diterokai dengan mendalam oleh penyelidik sains sosial yang lain. Diharapkan makalah yang dijelmakan daripada kajian ke atas pelajar IPT dapat memberikan manfaat kepada semua rakyat Malaysia mengenai peri-peritingnya nilai-nilai tersebut.

TUJUAN DAN METODOLOGI KAJIAN

Artikel ini mempunyai tujuan serampang dua mata. Pertamanya, untuk mengenal pasti tahap pemahaman mahasiswa lelaki dan perempuan di IPTA dan IPTS dari tiga kumpulan etnik majoriti terhadap budaya ilmu dan budaya inovasi dalam nilai aspirasi gagasan 1Malaysia. Keduanya, untuk mengukur persepsi mahasiswa mengenai budaya ilmu dan budaya inovasi dalam kehidupan seharian. Mahasiswa dijadikan fokus perbincangan memandangkan peranan dan kepentingan mereka kepada pembangunan negara tidak boleh diperlekehkan lagi. Nilai aspirasi ini membuktikan bahawa ianya bukan sahaja untuk menguatkan perpaduan tetapi berupaya membina masyarakat khasnya mahasiswa yang berakhlak tinggi dan jitu perlakuannya. Sifat-sifat seperti kecenderungan untuk sentiasa memburu ilmu pengetahuan yang terkini dan kesediaan untuk mencuba perkara baru yang berinovasi adalah sesuatu yang harus dipunyai oleh setiap mahasiswa.

Kajian ini dibataskan kepada mahasiswa yang mengikuti pengajian di IPTA dan IPTS sekitar Lembah Klang iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), Universiti Tenaga Nasional (Uniten), dan Segi Universiti (SegiUni). Kaedah berbentuk kuantitatif dengan menggunakan teknik survei menerusi borang soal selidik telah dijalankan. Secara keseluruhannya, 800 orang mahasiswa telah menjadi responden, di mana majoritinya adalah responden perempuan (60.6%) dan bakinya adalah lelaki (39.4%). Daripada jumlah tersebut, seramai 156 responden (19.5%) mewakili UKM, 132 orang (16.5%) mewakili UM, 123 orang (15.4%) mewakili UiTM, dan 61 orang (7.6%) mewakili UPNM yang kesemuanya merupakan mahasiswa IPTA. Manakala mahasiswa IPTS pula terdiri daripada 156 responden (19.5%) yang mewakili UTAR, 104 orang (13%) mewakili Uniten dan 68 orang (8.5%) dari Segi Universiti.

Responden telah dipilih secara rawak dari pelbagai fakulti dan bidang kursus pengajian berdasarkan jumlah mahasiswa mengikut etnik di IPT. Daripada jumlah responden tersebut, seramai 473 orang (59.1%) adalah mahasiswa berketurunan Melayu, 242 orang (30.3%) terdiri daripada mahasiswa berbangsa Cina dan 85 orang (10.6%) pula mahasiswa dari etnik India. Memandangkan keterbatasan masa dan faktor logistik, kajian ini terhad kepada tiga etnik utama di Lembah Kelang dan tidak melibatkan etnik minoriti. Data-data yang dikumpul dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif.

KONSEP BUDAYA ILMU DAN BUDAYA INOVASI

Sebelum menelusuri lebih jauh, adalah lebih bermanfaat jika makna budaya ilmu dan budaya inovasi didefinisikan sebaiknya. Budaya ilmu ialah kecenderungan untuk sentiasa memburu pengetahuan yang terkini dan kesediaan untuk menimba ilmu sepanjang hayat. Sifat cintakan ilmu, budaya membaca dan belajar sepanjang hayat serta mengikuti perkembangan semasa merupakan elemen penting dalam penerapan budaya ilmu. Sesebuah negara hanya akan benar-benar maju dan berjaya apabila rakyatnya memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi. Negara perlu memiliki masyarakat yang mengutamakan pendidikan dan pengetahuan dari segala-galanya. Budaya membaca berupaya melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu dan mempunyai minda yang sentiasa terbuka.

Kata inovasi pula disinonimkan dengan makna pembaharuan, perubahan, revolusi atau fitur baru. Kata akarnya berasal daripada bahasa Latin 'innovare' yang bererti mengubah atau memperbaharui. Ia berkait rapat dengan aktiviti mereka-cipta sesuatu karya, peralatan, kemudahan, perisian, sistem atau idea. Inovasi sebenarnya boleh dilakukan oleh sesiapa saja dengan syarat mereka berani. Menurut Kamus Dewan edisi Keempat, inovasi bermaksud (i) sesuatu yang baru diperkenalkan seperti kaedah, sistem, adat dan seumpamanya; (ii) perihal (tindakan) mengadakan atau memulakan sesuatu yang baru. Oleh itu, budaya inovasi bermaksud kesediaan

rakyat Malaysia untuk mencuba perkara yang baru dalam apa jua lapangan yang diceburi selain sentiasa mencari penyelesaian pintar serta mampu berfikir di luar kotak.

PENEMUAN DAN PERBINCANGAN

Dalam bahagian ini, dua nilai aspirasi utama yakni budaya ilmu dan budaya inovasi akan dibincangkan menerusi kategori sosial gender dan garis etnik.

(i) *Gender dan Budaya Ilmu*

Universiti melambangkan pusat kecemerlangan ilmu. Oleh itu, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa kebanyakan mahasiswa dan mahasiswi yang menjejaki kaki ke menara gading tergolong dalam kategori yang mencintai ilmu. Menurut laporan statistik oleh Kementerian Pengajian Tinggi (2009), wujud perbezaan yang ketara dalam bilangan kemasukan pelajar mengikut gender, di mana hanya 36% pelajar lelaki sahaja yang memasuki IPTA berbanding 64% pelajar perempuan. Malah, pendaftaran bagi pelajar baru untuk sesi pengajian 2010/2011 juga menyaksikan bahawa pelajar perempuan masih menguasai kampus IPTA, di mana daripada 105,377 pelajar baru yang mendaftar, 58.6 peratus adalah pelajar perempuan (Rohana, 2010). Situasi ini jelas menunjukkan pelajar perempuan masih menguasai institusi pengajian tinggi sekali.

Jadual 1.1: Pemahaman Dan Persepsi Mahasiswa Mengenai Budaya Ilmu mengikut Gender

Item		1	2	3	4	5
Jantina		Budaya mencintai ilmu	Membaca buku sehari	Sukarela melanjutkan pelajaran	Tahap pendidikan sekurangnya ijazah	Tanpa ijazah juga boleh berjaya
Perempuan	<i>Mean</i>	5.82	4.74	5.85	5.36	5.00
	<i>Std Dev</i>	1.097	1.338	1.095	1.320	1.377
Lelaki	<i>Mean</i>	5.65	4.50	5.52	5.26	5.33
	<i>Std Dev</i>	1.261	1.528	1.419	1.548	1.594

Secara keseluruhannya, jadual 1.1 memaparkan pemahaman dan persepsi yang lebih positif dalam kalangan mahawiswa perempuan bagi item pertama hingga item keempat. Manakala mahasiswa lelaki lebih cenderung ke arah item kelima. Skor min yang tertinggi dipaparkan oleh mahasiswi ialah pada item ketiga, manakala min bagi mahasiswa ialah pada item keempat. Bagi kelima-lima item ini, mahasiswa mempunyai skor min yang terendah khasnya bagi item kedua iaitu bilangan buku yang dibaca dalam sehari. Perbezaan min yang ketara di antara gender ialah bagi item pertama (0.17), kedua (0.24), ketiga (0.33) dan item kelima (0.33). Bagi item keempat, skor min agak tidak signifikan.

Item pertama menunjukkan skor min mahasiswi ialah sebanyak 5.82 berbanding skor min mahasiswa, iaitu sebanyak 5.65. Dapatan ini menunjukkan bahawa mahasiswi lebih mencintai ilmu berbanding mahasiswa dengan perbezaan min sebanyak 0.17. Hal ini disokong pula dengan item kedua, membaca buku dalam sehari yang memaparkan perbezaan min antara gender sebanyak 0.24 di mana pelajar perempuan mempunyai skor min 4.74 berbanding pelajar lelaki dengan skor minnya sebanyak 4.50. Sungguhpun begitu, angka ini tidak begitu membanggakan kerana majoriti mahasiswa lebih bersikap neutral dalam aspek ini. Hal ini seolah-olah menunjukkan bahawa pelajar IPT tidak pasti sama ada mereka membaca sekurang-kurangnya sebuah buku atau makalah dalam sehari atau tidak. Masalah ini pernah dibangkitkan oleh Prof. Dr. Muhammad Salleh, penerima Anugerah Tokoh Akademik Negara 2008 yang menyatakan bahawa ramai golongan pelajar masa kini sama ada di sekolah mahupun universiti kurang membaca dan ia berbeza berbanding generasi lampau (Kosmo, 2009).

Bagi item ketiga pula, iaitu dari segi keinginan melanjutkan pelajaran ke universiti, skor min bagi mahasiswa ialah sebanyak 5.52, manakala skor min bagi mahasiswi ialah sebanyak 5.85. Perbezaan skor min di antara jantina sebanyak 0.33 secara tidak langsung memantapkan lagi persepsi mahasiswi terhadap budaya mencintai ilmu yang lebih tinggi berbanding mahasiswa. Bahkan item keempat memperjelaskan lagi kecenderungan mahasiswi terhadap penguasaan bidang ilmu. Bagi item ini, skor min mahasiswi adalah sebanyak 5.36 berbanding skor min bagi mahasiswa iaitu 5.26 yang menggambarkan betapa pelajar perempuan memandang tinggi nilai ilmu berbanding pelajar lelaki. Dapatan ini menyokong kajian Zalizan (2005) yang merumuskan bahawa pelajar perempuan lebih jelas tentang cita-cita dan wawasan pendidikan berbanding pelajar lelaki.

Sementara itu, persepsi terhadap budaya ilmu yang rendah dalam kalangan mahasiswa dari item pertama hingga item keempat semakin jelas apabila dikaitkan dengan item kelima, iaitu tanpa ijazah juga boleh berjaya. Skor min mahasiswa bagi item kelima adalah sebanyak 5.33 yakni lebih tinggi berbanding skor min pelajar wanita iaitu 5.00. Angka ini menjelaskan bahawa bagi pelajar lelaki meskipun menganggap ilmu itu sesuatu yang penting, namun ia bukanlah cara muktamad untuk berjaya. Dapatan ini juga mempengaruhi persepsi mahasiswa untuk bersikap lebih optimis dan kurang memandang tinggi terhadap budaya ilmu berbanding dengan pelajar perempuan di kedua-dua IPT.

(ii) Etnik dan Budaya Ilmu

Etnik dan budaya ilmu dalam konteks ini bermaksud keutamaan yang diberikan oleh mahasiswa Melayu, Cina dan India terhadap amalan memburu ilmu dan menimba pengetahuan sepanjang hayat. Dalam membuat pemilihan, setiap etnik meletakkan persepsi dan ukuran yang berbeza terhadap sesuatu elemen penerapan budaya ilmu. Perletakan persepsi dan ukuran ini berbeza dari satu etnik kepada etnik yang lain kerana setiap etnik itu tumbuh daripada akar budaya yang berbeza. Perbezaan latar budaya inilah yang mencetuskan perbezaan pemahaman dan persepsi. Justeru itu,

apa yang dianggap bernilai tinggi oleh sesuatu etnik berkemungkinan dianggap sebagai bernilai rendah oleh etnik yang lain. Apa yang pasti, pemahaman dan persepsi bukanlah sesuatu yang statik kerana ianya boleh berubah dan inilah yang sedang dialami oleh mahasiswa Melayu, Cina dan India. Hal ini mungkin berlaku kesan daripada perubahan yang dibawa oleh dasar-dasar kerajaan yang digubal sejak 1970an lagi. Situasi tersebut telah memberi impak signifikan khususnya kepada majoriti etnik Melayu khususnya melalui dasar-dasar kerajaan yang membiayai keperluan tertentu yang sekaligus menyebabkan struktur sosial masyarakat tersebut berubah. Hasilnya, terbentuklah sejumlah besar masyarakat kelas menengah dan akhir-akhir ini muncul pula ahli masyarakat dari kelas korporat dan profesional.

Persepsi mahasiswa terhadap budaya ilmu juga telah menyebabkan peralihan worldview Melayu, Cina dan India daripada menganggap ilmu sebagai satu means untuk mencari makan kepada penentu tempat kediaman, lingkungan teman, gaya hidup, kekeluargaan dan pendidikan untuk kesenangan masa depan. Mahasiswa perlu mempunyai skop pemikiran yang lebih luas terhadap amalan menimba ilmu dan patut disedarkan bahawa budaya cintakan ilmu sepanjang hayat adalah penting kerana ianya menentukan keberkesanan individu, masyarakat dan negara. Implikasinya persepsi mahasiswa terhadap budaya ilmu ialah terbukanya pemikiran mahasiswa kepada ciri-ciri kehidupan dan melihat bahawa palajaran sebagai kaedah untuk mencapai sesuatu pekerjaan.

Jadual 1.2: Pemahaman Dan Persepsi Mahasiswa Mengenai Budaya Ilmu Mengikut Garis Etnik

Item		1	2	3	4	5
Etnik		Budaya mencintai ilmu	Membaca buku sehari	Sukarela melanjutkan pelajaran	Tahap pendidikan sekurangnya ijazah	Tanpa ijazah juga boleh berjaya
Melayu	<i>Mean</i>	6.05	4.90	6.02	5.41	5.31
	<i>Std Dev</i>	1.075	1.300	1.111	1.425	1.455
Cina	<i>Mean</i>	5.11	4.03	5.07	5.02	4.79
	<i>Std Dev</i>	1.080	1.423	1.244	1.301	1.377
India	<i>Mean</i>	5.92	4.95	5.93	5.67	5.12
	<i>Std Dev</i>	1.167	1.527	1.232	1.531	1.672

Berdasarkan jadual di atas, dapatan kajian menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang sangat signifikan di antara mahasiswa kaum Melayu, Cina dan India bagi semua item budaya ilmu. Di sini boleh dikatakan bahawa mahasiswa Melayu, Cina dan India masing-masing mempunyai tahap kecenderungan untuk memburu dan menimba ilmu pengetahuan yang hampir sama daripada pelbagai aspek. Hasil kajian menunjukkan bahawa min mahasiswa Melayu mempunyai

sifat mencintai ilmu yang tinggi (6.05), diikuti mahasiswa India (5.92) dan Cina (5.11). Ini membawa kepada rumusan bahawa etnik Cina kurang memandang ilmu sebagai suatu aspek pembelajaran yang penting dalam hidup mereka. Mahasiswa Melayu lebih sukarela untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi iaitu dengan skor min sebanyak 6.02 berbanding mahasiswa India (5.93) dan Cina (5.07). Secara relatifnya, dapatlah dikatakan bahawa pemahaman mahasiswa Melayu tentang kualiti ilmu adalah tinggi. Apa yang pasti, orang Melayu kini telah jauh berbeza kualiti kehidupan mereka jika dibandingkan dengan tiga puluh tahun dahulu. Gambaran-gambaran negatif tentang orang Melayu seperti orang bodoh, pemalas, tidak suka berusaha, hanya berserah kepada nasib dan takdir sudah berubah. Perubahan ini memperlihatkan bahawa persekitaran itu amat penting untuk mengubah persepsi seseorang individu. Di samping persekitaran, alat yang paling berkesan untuk mengubah mentaliti mahasiswa Melayu terhadap kepentingan ilmu ialah proses pendidikan formal. Melalui proses ini, orang Melayu seolah-olah telah dilepaskan daripada beban mental terdahulu dengan label-label negatif khasnya tidak boleh mempelajari sains dan matematik tetapi hanya layak menjadi petani dan nelayan sahaja (Abd. Rahman Aziz, 2000).

Pada sudut yang lain pula, tidak boleh dinafikan juga tentang kepentingan ilmu dalam kalangan mahasiswa Cina dan India kerana mereka semuanya bersetuju tentang kesukarelaan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Misalnya, mahasiswa India sangat bersetuju bahawa tahap pendidikan seseorang mestilah sekurang-kurangnya memiliki ijazah dengan skor min 5.67 berbanding mahasiswa Melayu (5.41) dan Cina (5.02). Walaupun tidak begitu signifikan, mahasiswa India memberikan skor min yang paling tinggi (4.95) dalam amalan membaca sekurang-kurangnya sebuah rencana, majalah atau buku sehari berbanding mahasiswa Melayu iaitu 4.90. Kekerapan amalan membaca dalam kalangan mahasiswa Cina dalam sehari adalah agak rendah iaitu 4.03.

Skor tentang item 5 menunjukkan bahawa tahap persepsi mahasiswa Melayu, Cina dan India adalah agak signifikan tentang kejayaan seseorang individu bukannya terletak kepada segulung ijazah. Mahasiswa Melayu bersetuju bahawa ijazah bukannya suatu keperluan yang penting untuk menentukan kejayaan seseorang individu dengan skor min 5.31, diikuti oleh mahasiswa India (5.12) dan Cina (4.79). Ini menunjukkan bahawa penekanan terhadap latihan untuk mendapatkan 'hands on experience' adalah lebih penting daripada pembelajaran secara teori semata-mata.

Daripada huraian tadi, diperhatikan bahawa mahasiswa Melayu dan India mempunyai landasan pemikiran yang agak positif dan memahami kepentingan amalan menimba ilmu sepanjang hayat. Namun begitu, tidak ada perubahan yang besar dalam persepsi mahasiswa Cina terhadap budaya ilmu. Budaya ilmu adalah sesuatu yang wajar disinonimkan dengan kehidupan mahasiswa kerana ia membekalkan mereka dengan ketrampilan teknologi, keberkesanan pengurusan dan budaya kerja positif yang sekaligus menyumbang kepada pertumbuhan masyarakat

industri. Pendek kata, adalah tidak wajar jika mahasiswa hanya mahu digelar sebagai penuntut atau graduan universiti sedangkan ketrampilan diri dengan ilmu masih meragukan. Kedua-duanya sama penting dan mahasiswa harus bijak untuk menimba ilmu dan memperbaiki diri agar secocok dengan tuntutan pasaran kerja.

(iii) Gender dan Budaya Inovasi

Budaya inovasi yang diaspirasikan dalam gagasan 1Malaysia merupakan kesinambungan daripada salah satu sembilan cabaran nilai dari Wawasan 2020. Cabaran tersebut adalah untuk mewujudkan masyarakat saintifik dan progresif, mempunyai daya perubahan yang tinggi dan memandang ke hadapan dengan menyumbangkan kepada tamadun saintifik serta teknologi dan bukannya menjadi pengguna teknologi semata-mata. Oleh itu, budaya inovasi dengan kreativiti mereka-cipta sesuatu yang baru adalah penting untuk diamalkan. Dalam menghadapi arus cabaran ini, mahasiswa mempunyai peranan besar sebagai peneraju utama dalam pembangunan negara dan keharmonian masyarakat.

Jadual 1.3: Pemahaman Dan Persepsi Mahasiswa Mengenai Budaya Inovasi Mengikut Gender

Item		1	2	3	4	5
Jantina		Berani menceburi bidang baru	Berani mencari penyelesaian baru	Bersedia menjadi perintis	Perubahan penting untuk jadi lebih baik	Bersedia menjadi pemimpin pelbagai bidang
Perempuan	<i>Mean</i>	5.38	5.44	5.35	5.81	5.24
	<i>Std Dev</i>	1.080	1.018	1.025	1.028	1.104
Lelaki	<i>Mean</i>	5.41	5.48	5.40	5.66	5.33
	<i>Std Dev</i>	1.210	1.166	1.205	1.195	1.269

Berdasarkan Jadual 1.3, pemahaman dan persepsi mahasiswa mengenai budaya inovasi mengikut gender memperlihatkan skor min gender mahasiswa lelaki lebih positif berbanding mahasiswa perempuan. Skor min mahasiswa lelaki lebih tinggi dan mendominasi dalam empat item yakni item pertama, kedua, ketiga dan kelima. Item keempat pula memperlihatkan golongan mahasiswa perempuan mencapai skor min tinggi iaitu 5.81 berbanding 5.66 bagi mahasiswa lelaki. Namun begitu, perbezaan adalah tidak signifikan.

Bagi item pertama, mahasiswa lelaki dilihat lebih optimis untuk menceburi bidang baru dengan skor min sebanyak 5.41 iaitu lebih tinggi jika dibandingkan dengan mahasiswa perempuan (5.38). Hal ini mungkin didorong oleh perubahan ekonomi dunia dan teknologi semasa yang mahukan kepelbagaian dalam diri individu dalam memenuhi pasaran kerja semasa di samping persaingan dalam mencapai kecemerlangan hidup. Namun, tidak dinafikan bahawa mahasiswa lelaki

didapati lebih berani menceburi bidang baru khususnya bidang teknikal, sains dan teknologi berbanding mahasiswa perempuan yang kurang berani mengambil risiko dan lebih selesa memilih bidang yang menjamin masa depan mereka seperti perguruan, kejururawatan dan kesetiausahaahan. Fenomena ini semakin jelas apabila mahasiswa perempuan memonopoli bidang-bidang tersebut dalam dunia pekerjaan.

Bagi item kedua pula, didapati persepsi mahasiswa bagi kedua-dua gender tidak jauh berbeza, di mana mahasiswa lelaki mencapai skor min 5.48 dan mahasiswa perempuan pula sebanyak 5.44. Perbezaan skor min yang amat kecil iaitu 0.04 adalah tidak signifikan. Ini kerana lelaki dan perempuan masing-masing menunjukkan keupayaan dan keberanian untuk mencari penyelesaian baru. Hal ini didorong oleh faktor keterbukaan dan kematangan yang dimiliki oleh penuntut universiti dalam mencari punca sesuatu permasalahan untuk menyelesaikannya dengan rasional. Selain itu, sistem pendidikan dan pergaulan di institut pengajian tinggi yang berbeza dari alam persekolahan secara tidak langsung telah membentuk perkembangan diri mahasiswa untuk menjadi lebih berani, kreatif serta berinovasi untuk melakukan transformasi dalam menghadapi cabaran yang mendatang.

Keberanian menceburi pelbagai bidang baru dan menjadi perintis dianggap mempunyai budaya inovasi. Dalam era global ini, mencipta dan menginovasi tidak terbatas kepada badan-badan korporat atau agensi-agensi kerajaan semata-mata. Sebaliknya, ianya terbuka kepada sesiapa sahaja yang berani untuk mengambil peluang demi mencipta kejayaan. Bagi item ketiga, skor min mahasiswa lelaki dilihat lebih positif (5.40) berbanding dengan mahasiswa perempuan (5.35). Ini bermakna mahasiswa lelaki lebih berani memikul tanggungjawab untuk menjadi perintis kepada idea baru. Hal ini dikaitkan dengan tingkah laku semula jadi lelaki yang lebih berani, kreatif dan sedia menghadapi cabaran dalam kehidupan. Berbekalkan ilmu yang diperolehi di menara gading telah membolehkan golongan mahasiswa menginovasi dan menggalakkan daya cipta idea baru dalam bidang yang diceburi. Daya kreativiti yang tinggi dalam dunia teknologi yang semakin berkembang telah menggalakkan mereka mencipta buah fikiran yang bernas dan diselaraskan dengan masyarakat yang bermoral dan beretika.

Justeru itu, untuk menjadi masyarakat yang cemerlang, gemilang dan terbilang, perubahan perlu dilakukan. Faktor optimistik dan bersaing secara sihat mendorong mahasiswa melakukan sesuatu yang terbaik untuk diri mereka sendiri. Didapati bahawa skor min mahasiswa perempuan adalah lebih positif iaitu sebanyak 5.81 jika dibandingkan skor min 5.66 yang diperolehi oleh mahasiswa lelaki bagi item keempat. Gambaran ini menjelaskan bahawa mahasiswa perempuan lebih bermotivasi dan berusaha untuk membuat perubahan agar menjadi lebih baik, sama ada dalam pelajaran, kerjaya mahupun kehidupan. Daripada sudut pelajaran, mahasiswa perempuan merasakan ijazah adalah jaminan untuk mendapatkan pekerjaan seterusnya perolehan kewangan untuk meneruskan kelangsungan hidup lebih sempurna. Keyakinan, ketekunan dan usaha yang kuat merupakan benteng pertahanan bagi melakukan perubahan ini. Rasionalnya pada masa ini, golongan

mahasiswa perempuan juga sudah duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi untuk bersaing dengan golongan mahasiswa lelaki. Mahasiswa lelaki juga berinisiatif untuk melakukan perubahan hidup, namun kekangan sekeliling seperti kuota bidang pekerjaan, kecemerlangan akademik dan lain-lain adakalanya menjadikan mahasiswa perempuan lebih cepat membuat perubahan daripada sudut mental, fizikal, dan gaya hidup khususnya berbanding mahasiswa lelaki.

Seterusnya, matlamat utama Falsafah Pendidikan Negara adalah untuk melahirkan mahasiswa yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek, dan sosial. Pendidikan menjadi instrumen utama untuk melahirkan mahasiswa yang bermoral dan beretika sebagai pemimpin masa hadapan. Kematangan akal fikiran dan kestabilan mengawal emosi sangat penting dalam membantu seseorang mahasiswa menghadapi segala kemungkinan apabila menjadi pemimpin. Situasi ini bertepatan dengan item kelima di mana mahasiswa lelaki mempunyai skor min sebanyak 5.33 berbanding 5.24 bagi mahasiswa perempuan. Hal ini menunjukkan bahawa mahasiswa lelaki lebih bersedia untuk menjadi pemimpin dalam pelbagai bidang. Meskipun ramai mahasiswa perempuan juga mampu menjadi pemimpin tertinggi, namun senario semasa masih dimonopoli oleh kaum lelaki.

(iv) Etnik dan Budaya Inovasi

Tahap tingkah laku hedonistik	Kekerapan	Peratus
Rendah (1.00 - 2.33)	20	4.9
Sederhana (2.34 - 3.66)	300	73.5
Tinggi (3.67 – 5.00)	87	21.3

Majoriti responden kajian (73.5%) berada dalam tahap tingkah laku hedonistik yang sederhana dan tinggi (21.3%). Ini menunjukkan mereka terpengaruh dengan tingkah laku hedonistik. Hasil kajian ini menyokong kajian terdahulu oleh Gabrielle (2008) yang mendapati pelajar memilih kebahagiaan dan keseronokan sebagai matlamat hidup yang utama dan menerima hedonisme sebagai jambatan untuk menemui keseronokan tersebut (Peterson, Park & Seligman, 2005). Tingkah laku hedonistik dalam kalangan belia didapati semakin menyerlah serentak dengan pemodenan, globalisasi, dunia tanpa sempadan dan juga perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang semakin meningkat (Scarpi, 2012; Yazdani, 2009, Schor, 2004). Hasil kajian juga mengukuhkan teori oleh Hall (1824) dengan tahap storm dan stress. Pada peringkat ini, belia akan mengalami rasa kecewa, emosi yang tidak stabil dengan pemikiran, perasaan dan tindakan yang sentiasa bercelaru. Akibatnya, golongan belia akan terdorong untuk membuat pilihan berdasarkan kebahagiaan dan keseronokan yang boleh didapati di sekeliling mereka dan berkemungkinan terpengaruh dengan tingkah laku hedonistik. Seterusnya, dapatan kajian ini juga membentangkan amalan tingkah laku hedonistik dalam kalangan belia IPT. Jadual 3.0 menunjukkan nilai min dan sisihan piawai bagi kesemua item tingkah laku hedonistik.

Jadual 3.0: Ringkasan Statistik Bagi Item Tingkah Laku Hedonistik

Item	Peratus					Min	SD
	1	2	3	4	5		
Saya suka dengan keseronokan hidup seperti seks, makan dan lepak	6.1	20.3	21.6	24.8	27.2	3.46	1.253
Saya sering membuat keputusan mengikut hawa nafsu saya	2.9	16.2	36.3	25.0	19.6	3.42	1.067
Kebanyakan rakan-rakan terlibat dengan perbuatan berisiko, saya tidak kisah dan saya seronok berkawan dengan mereka	5.4	22.1	27.2	29.2	16.2	3.28	1.138
Saya sering mengikut kata hati lebih daripada akal saya	4.4	26.7	33.1	25.0	10.8	3.11	1.056
Saya mendapati diri saya semakin digilap semasa berada dalam suasana keseronokan	5.4	22.3	42.6	19.1	10.5	3.07	1.024

Adalah penting bagi saya untuk menikmati keseronokan dalam hidup daripada memberi tumpuan pada tujuan kehidupan	9.8	29.9	24.3	25.0	11.0	2.98	1.177
Saya mengambil risiko untuk merasakan kegembiraan dalam hidup saya	10.8	31.9	27.0	20.8	9.6	2.87	1.151
Saya merasakan bahawa lebih penting untuk menikmati keseronokan daripada melakukan kerja yang telah ditetapkan dalam sesuatu masa	11.3	32.4	25.2	21.1	10.0	2.86	1.171
Saya akan membuat keputusan berdasarkan apa yang terlintas dalam fikiran sahaja	7.8	31.4	33.1	21.6	6.1	2.86	1.036
Saya melakukan sesuatu perkara mengikut gerak hati	7.4	44.6	31.6	10.8	5.6	2.62	.968

Daripada 10 item yang digunakan untuk mengukur tahap tingkah laku hedonistik dalam kalangan belia IPT, lebih separuh responden (52%) kajian mengakui bahawa mereka suka kepada keseronokan hidup seperti seks, makan dan lepak dengan nilai min skor tertinggi ($M=3.46$, $SD= 1.253$). Hasil kajian menunjukkan dapatan yang sama dengan kajian oleh Veenhoven (2003) terhadap tingkah laku hedonistik yang mendapati belia memilih aktiviti seperti seks, tabiat pemakanan dan juga melepak untuk memenuhi keseronokan dalam hidup. Beberapa kajian terdahulu juga turut mengaitkan aktiviti yang mendatangkan keseronokan adalah tingkah laku negatif dan banyak yang terjebak dalam aktiviti seperti seks bebas (Weichselbaumer, 2012) dan tabiat pemakanan yang tidak sihat (Cocurello, D'Amato & Moles, 2009).

Dapatan kajian menunjukkan responden (44.6%) sering membuat keputusan mengikut hawa nafsu sebagai penting dan sangat penting dengan nilai min skor kedua tertinggi ($M=3.42$, $SD= 1.067$). Penemuan kajian ini mengesahkan teori tingkah laku hedonistik, sebagai satu etika yang mempercayai keseronokan sebagai tahap kebaikan yang paling tinggi dan sebagai satu sumber kepada nilai moral yang berasal dari dalaman individu (Smuts, 2011; Crisp, 2006; Sobel, 2002). Hasil kajian yang seterusnya juga memperkukuhkan teori tingkah laku hedonistik ini dengan dapatan yang menunjukkan responden (35.8%) sering mengikut kata hati lebih daripada akal, responden (16.4%) melakukan sesuatu perkara mengikut gerak hati dan responden (27.7%) membuat keputusan berdasarkan apa yang terlintas dalam fikiran mereka. Daripada perspektif Islam, tuntutan hawa nafsu dikaitkan dengan mengikut kata hati yang dibuat tanpa akal fikiran dan dikhuatiri akan menyebabkan golongan belia memilih aktiviti keseronokan yang berlebihan seperti dalam ayat 53 Surah Yusuf yang bermaksud: "... kerana sesungguhnya nafsu itu menyuruh kepada kejahatan..." dan ayat 28 Surah Al Kahfi yang bermaksud: "... dan janganlah kedua matamu berpaling dari mereka (kerana) mengharapkan perhiasan kehidupan dunia ini, dan janganlah kamu mengikuti orang yang hatinya telah Kami lalaikan dari mengingati Kami, serta menuruti hawa nafsunya dan adalah keadaannya itu melewati batas".

Hasil kajian juga menunjukkan belia tidak kisah dan rasa seronok berkawan dengan rakan yang terlibat dengan perbuatan berisiko. Sebanyak 45.4% responden sependapat dalam hal ini dengan nilai min skor ketiga tertinggi ($M=3.28$, $SD=1.138$). Dapatan kajian ini menyokong teori keakraban dengan rakan (Armsdern & Greenberg, 1997) bahawa belia memerlukan rakan sebaya untuk tujuan sosial dalam semua keadaan. Di sinilah aspek kepercayaan dan komunikasi dalam hubungan dengan rakan terus disemai bagi memperkukuh keakraban dalam kalangan mereka. Dapatan kajian juga membuktikan kajian oleh O'Brien, Albert, Chein, & Steinberg (2011) adalah seiring kerana tindakan untuk bersama dengan rakan dalam semua jenis aktiviti termasuk aktiviti yang berisiko memberikan pengiktirafan bahawa belia tersebut diterima oleh rakan sebaya. Kebanyakan fungsi rakan sebaya seperti menjadi rujukan ataupun mentor, sebagai pengikut ataupun pemimpin serta model kepada tingkah laku (Jas Laile, 2008) akan terlaksana sekiranya belia sanggup bersama dengan rakan dalam mana-mana keadaan. Kajian menunjukkan pengaruh rakan sebaya akan mudah mengiktiraf kehadiran rakan mereka dalam tingkah laku antisosial (Mrug & Windle, 2009).

Hasil keputusan kajian juga menunjukkan responden (36%) lebih mementingkan kenikmatan dan keseronokan berbanding dengan memberi tumpuan kepada tujuan kehidupan. Dapatan kajian ini menguatkan teori yang dikemukakan oleh Feldman (2008) dan Bentham (1789 dalam Weijers, 2011) bahawa tingkah laku hedonistik adalah sebagai satu usaha atau pergerakan mencari keseronokan yang mendorong kepada kesetiaan melayan kehendak diri seseorang dan menjadikannya sebagai satu cara kehidupan.

Hampir sepertiga daripada jumlah responden (31%) berpendapat bahawa lebih penting dan amat penting bagi mereka untuk menikmati keseronokan daripada melakukan kerja yang telah ditetapkan dalam sesuatu masa. Hasil kajian telah dapat mengesahkan dapatan kajian terdahulu, pelajar IPT di Malaysia oleh Chiu (2009) bahawa golongan belia lebih berminat untuk mengisi masa mereka dengan aktiviti sampingan bersama dengan rakan. Hasil keputusan kajian ini agak bertepatan dengan kajian yang telah dijalankan oleh Wils, Saba, Waxin & Labelle (2011), Trzesniewski dan Donnellan (2010) dan Eckersley (2010) bahawa golongan belia tidak dapat memberikan sumbangan yang sewajarnya kepada pembangunan negara kerana kurangnya potensi dan tidak memenuhi tuntutan semasa dalam pekerjaan.

Kajian juga mendapati amat penting bagi responden (30%) untuk mengambil risiko bagi merasakan kegembiraan dalam hidup. Dapatan kajian turut menyokong kajian oleh Borsky dan Raschky (2009) yang menunjukkan individu belia sanggup terlibat dengan aktiviti berisiko yang mendatangkan keseronokan. Beberapa kajian terdahulu mengaitkan aktiviti berisiko yang mendatangkan keseronokan adalah tingkah laku negatif dan banyak yang terjebak dalam aktiviti seperti seks bebas (Weichselbaumer, 2012, Hughes & Deutsch, 2010) penagihan dadah dan ketagih alkohol (Hutton, 2012; Szmigin, Griffin, Mistral, Howell, Weale & Hackley, 2008) hiburan yang berlebihan (Andersson, 2011) tabiat pemakanan yang tidak sihat

(Coccurello, D'Amato & Moles, 2009), berminat kepada barangan berjenama dan mewah serta lebih materialistik (Scarpi, 2012; Emilio, Filho, Cabusas & Dholakia, 2010). Kesemua aktiviti ini mempunyai risiko atau mengakibatkan kesan yang negatif kepada golongan belia.

Dapatan kajian menunjukkan responden (30%) merasakan diri mereka semakin digilap apabila berada dalam suasana keseronokan bersama rakan-rakan. Mengikut fungsi rakan sebaya, iaitu sebagai rujukan dan juga pemimpin, suasana seperti ini dapat mencungkil potensi dalam kalangan mereka untuk menjadi pemimpin ataupun seorang pengikut. Dapatan kajian menyokong kajian terdahulu oleh Durlak, Weissberg & Pachan (2010) apabila belia memperoleh kesejahteraan dan kegembiraan dalam hidup melalui hubungan keakraban dengan rakan sebaya. Hubungan keakraban ini mampu meningkatkan nilai-nilai psikologikal yang bertindak sebagai terminal dalam diri belia ke arah pembentukan tingkah laku yang positif. Namun demikian, perlu diingatkan, keakraban hubungan ini juga boleh bertindak di sebaliknya dengan penerapan nilai negatif yang bakal menyumbang kepada aktiviti keseronokan yang berlebihan sehingga terjerumus ke dalam tingkah laku hedonistik. Kajian terdahulu telah membuktikan keakraban dengan rakan sebaya mendominasi belia dalam pemilihan berpakaian yang mengikut arah aliran (trend), mempengaruhi slanga berkomunikasi, pemujaan penggunaan dadah, penyesuaian dan penerimaan keganasan dan aktiviti jenayah serta terlibat dengan tingkah laku antisosial (Padilla, Walker & Bean, 2009; Syuhada, 2009, dalam Abdul Razak & Ezry Fahmy, 2009; Tomé, Matos, Simões & Diniz, 2008). Walau bagaimanapun, pengaruh rakan sebaya lebih menjurus kepada tingkah laku negatif terutamanya apabila berada dalam suasana keseronokan.

Secara tidak langsung, teori pembelajaran sosial oleh Bandura (1977) yang menekankan tingkah laku seseorang individu dipelajari melalui model hasil daripada pemerhatian dan mengikut gaya orang lain dapat diaplikasikan bagi membantu perkembangan tingkah laku golongan belia pada masa hadapan. Penemuan kajian juga membuktikan teori ekologi manusia oleh Brofenbrenner (1979; 1989) yang menyatakan, kebanyakan faktor yang mempengaruhi pembentukan dan perkembangan tingkah laku belia adalah disebabkan oleh faktor persekitaran yang berbentuk mikro seperti pengaruh rakan sebaya.

KESIMPULAN

Penemuan kajian ini memberikan gambaran tentang tahap tingkah laku hedonistik dan juga aktiviti yang dilakukan semasa waktu senggang dalam kalangan belia IPT yang terpilih di Malaysia. Hasil kajian menunjukkan majoriti belia yang terlibat dalam kajian ini berada pada tahap sederhana dan tinggi dalam tingkah laku hedonistik. Dapatan ini memberi makna bahawa pihak yang bertanggungjawab perlu mengambil tindakan yang sewajarnya bagi membendung penularan tingkah laku hedonistik bagi golongan belia. Hal ini adalah wajar kerana responden kajian adalah golongan belia di IPT yang menerima pendidikan secara bersistem serta

terbaik, turut terpengaruh dengan tingkah laku hedonistik, apatah lagi golongan belia yang berada di luar yang lebih terdedah kepada gejala ini. Kajian ini juga menjelaskan perilaku yang menyumbang kepada tingkah laku hedonistik melalui gaya fikir dan gaya hidup golongan belia yang rata-rata adalah bersifat negatif. Pembentukan dan perkembangan tingkah laku golongan belia dipengaruhi oleh banyak faktor. Faktor persekitaran telah dibuktikan (Brofenbrenner, 1989) sebagai faktor yang paling berpengaruh dalam membantu dan menyokong pembentukan tingkah laku bermula daripada zaman kanak-kanak sehingga dewasa. Oleh itu, program pembangunan belia yang hendak dilaksanakan harus menggemblengkan kesemua faktor persekitaran tersebut mengikut kesesuaian dan peringkat di mana belia berada. Bagi menjamin pertumbuhan tingkah laku belia berada dalam landasan yang betul dan terbaik, proses pendidikan seharusnya bermula di rumah. Peranan ibu bapa dan keluarga diperlukan bagi mendidik, membantu dan menyokong pertumbuhan tingkah laku yang positif.

Dalam Islam, hawa nafsu memainkan peranan dalam diri individu dan boleh dikaitkan dengan hedonisme apabila telah mencapai tahap yang tertentu. Secara lahiriah manusia mempunyai dua kekuatan yang bertentangan dalam diri, iaitu kebaikan yang mendorong kepada sikap yang murni dan positif dan kekuatan yang kedua adalah sikap negatif yang menuruti kehendak nafsu (Al-Ghazali, 2009; Mahmood Nazar, 1990). Islam tidak menghalang umatnya mencari kebahagiaan dalam kehidupan, malahan memberikan garis panduan yang menyeluruh untuk diikuti berasaskan Rukun Islam dan Rukun Iman. Namun kecenderungan secara berlebihan kepada keseronokan dan kesenangan terutamanya hiburan telah mendorong manusia kepada kelalaian dan bertindak meninggalkan kewajipan sebagai seorang Islam. Tindakan yang berasaskan hawa nafsu inilah dikaitkan dengan hedonisme dan Islam melarang umatnya melalui ayat Quran Surah Al Jaatsiyah ayat 23, 'Maka pernahkah kamu melihat orang yang menjadikan hawa nafsunya sebagai tuhan dan Allah membiarkannya sesat berdasarkan ilmunya dan Allah telah mengunci mati pendengaran dan hatinya dan meletakkan penutup kepada penglihatannya'.

RUJUKAN

- Abdul Munir Ismail & Mohamad Haidar. 2010. Laporan Kajian R & D: Serapan ideologi dan pemikiran asing. Shah Alam: Jabatan Agama Islam Selangor.
- Abdul Razak Abd Muthalib & Ezry Fahmy Eddy Yusof. 2009. Media massa dan serangan pemikiran. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan, Media dan Pemikiran Islam, USIM, 21-22 July 2009.
- Abu Bakar Hamzah. 1972. *Sejarah kebudayaan Islam*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.

- Adler, A. 1979. *Superiority and social interest: A collection of later writings*. H. L. Ansbacher & R. R. Ansbacher (Eds.). New York: W. W. Norton.
- Ahmad Azam Abdul Rahman. 2005. Strategi menghadapi cabaran globalisasi. Kertas kerja dibentangkan dalam Kursus Kepimpinan Perdana di Malaysian Hall. Abbasiyah, Kaherah Anjuran YADIM, YPEIM, INMIND, MAS, ABIM Mesir dan Jabatan Penuntut Malaysia Kaherah, 15 - 16 November 2005.
- Al-Ghazali. 2009. *Ringkasan Ihya' Ulumuddin*: Terjemahan oleh Zaid Husein Al-Hamid. Kuala Lumpur: Darul Nu'man Sdn. Bhd.
- Andersson, J. 2011. Vauxhall's post-industrial pleasure gardens: 'Death wish' and hedonism in 21st-century London. *Urban Studies*, 48, 85-100, doi:10.1177/0042098009360238.
- Armsden, G. C., & Greenberg, M. T. 1987. The inventory of parent and peer attachment: Individual differences and their relationships to psychological well-being in adolescence. *Journal of Youth and Adolescence*, 16, 427-454. doi: 10.1007/BF02202939.
- Azlan Khalili Shamsudin. 1994. *Islam dan tentangan budaya barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Azimi, H., Turiman, S. & Ezhar, T. 2000. Gaya hidup dan gaya fikir belia dalam pembangunan negara, dalam Belia dalam menghadapi alaf baru (57-61). Putrajaya: Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- Azmi Aziz & Shamsul, A. B. 2004. The religious, the plural, the secular and the modern: A brief critical survey on Islam in Malaysia. *Inter-Asia Cultural Studies*, 5(3), 341-356. doi:10.1080/1464937042000288651.
- Bahaman, A. S., & Turiman, S. 1999. *Statistic for social research with computer application*. Serdang: Universiti Putra Malaysia Press.
- Bandura, A. 1977. *Social learning theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Bergsma, A., Poot, G., & Liefbroer, A.C. 2008. Happiness in the garden of epicurus. *journal of happiness studies*, 9, 397-423.
- Boonaert, T., & Vettenburg, N. 2011. Young people's internet use: Divided or diversified?. *Journal of Childhood*, 18(1), 54-66. doi: 10.1177/0907568210367524.

- Borsky, S. & Raschky, P. A. 2009. The hedonics of hedonism – estimating the value of risk-taking activities. *International Review for Social Science*, 62(2), 210–225. doi: 10.1111/j.1467-6435.2009.00432.
- Boyd, J. N., & Zimbardo, P. G. 2005. Time perspective, health and risk taking. In A. Strahman & J. Joireman (Eds.), *Understanding behavior in the context of time: Theory. Research and applications* (pp. 85–107). Mahwah, NJ: Erlbaum.
- Brandt, R. B. 2006. *Encyclopedia of Philosophy*. 2nd ed. Vol. 4. Detroit: Macmillan Reference USA
- Brax, D. 2009. *Hedonism as the explanation of value*. Lund: Media-Tryck Sociologen.
- Bronfenbrenner, U. 1979. *The ecology of human development: Experiments by nature and design*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Bronfenbrenner, U. 1989. Ecological systems theory. In: R. Vasta (Eds), *Six theories of child development: Revised formulations and current issues* (187-250). Greenwich, CT: JAI Press.
- Buku Perangkaan Pengajian Tinggi Malaysia. 2010. Muat turun ([http://www.mohe.gov.my/web statistik/](http://www.mohe.gov.my/web_statistik/)).
- Chaudhuri, A., Aboulnasr, K. & Mark Ligas, M. 2010. Emotional responses on initial exposure to hedonic or utilitarian description of a radical innovation. *Journal of Marketing Theory and Practice*, 18(4), 339–359.
- Chaney, D. 2003. Lifestyles and their relevance for ageing in post-industrial societies. *Gerontechnology*, 2(3), 260-262.
- Chiu, L. K. 2009. University students' attitude, self-efficacy and motivation regarding leisure time physical participation. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 24, 1–15.
- Cleveland, M., Laroche, M., Hallab, R. 2011. Globalization, culture, religion, and values: Comparing consumption patterns of Lebanese Muslims and Christians. *J Bus Res* . doi:10.1016/j.jbusres.2011.12.018.
- Coccorello, R, D'Amato F. R., & Moles, A. 2009. Chronic social stress, hedonism and vulnerability to obesity: Lessons from Rodents. *Neuroscience & Biobehavioral Reviews*. 33, 537–550.

- Cole, M., Stanton, B., Deveaux, L., Harris, C., Lunn, S., Cottrell, L., Clemens, R., Marshall, S., & Baine, R., M. 2007. Latent class analysis of risk behaviors among Bahamian young adolescents: Relationship between values prioritization and latent class. *Social Behavior and Personality*, 35(8), 1061-1076.
- Crisp, R. 2006. *Reasons and the good*. Oxford: Clarendon Press. Edition. Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates Publishers.
- Deutsche, R. 1996. *Evictions: Art and spatial politics*. Cambridge, MA: MIT Press.
- Drake, L., Duncan, E., Abernethy, C., & Henry, C. 2008. Time perspective and correlates of wellbeing. *Time & Society*, 17(1), 46-61.
- Durlak, J. A., Weissberg, R. P., & Pachan, M. 2010. A meta-analysis of after-school programs that seek to promote personal and social skills in children and adolescents. *American Journal of Community Psychology*, 45(3-4), 294-309.
- Erikson, E. H. 1968. *Identity: Youth and crisis*. New York: Norton.
- Eckersley, R. 2010. Commentary on Trzesniewski and Donnellan: A transdisciplinary perspective on young people's Well-Being. *Perspectives on Psychological Science*, 5(1), 76-80.
- Emílio J.M. Arruda-Filho, A., Cabusas, J. A., & Dholakia, N. 2010. Social behavior and brand devotion among iPhone innovators. *International Journal of Information Management*, 30(6), 475-480.
- Feldman, F. 2008. Whole life satisfaction concepts of happiness. *Theoria*, 74(3), 219-238.
- Freud, S. 1910. The origin and development of psychoanalysis. *American Journal of Psychology*, 21(2), 196-218. Retrieved 6 Oct 2011 from <http://www.scribd.com/doc/41860570/Psychology>.
- Gabriele, R. 2008. Orientations to happiness: Do they make a difference in a student's educational life?. *American Secondary Education*, 36(2), 88-104.
- Goodwin R, Willson M, & Gaines S Jr. 2005. Terror threat perception and its consequences in contemporary Britain. *Br J Psychol*. 96(4). 389-406.

- Gonzales, N. & Dodge, K. A. 2009. Family and peer influences on adolescent behavior and risk-taking. Paper presented at the Workshop on Social and Environmental Influences and Adolescent Risk Behavior; Washington, DC: National Academies.
- Hair, J. F. J., Black, W. C., Babin, B. J. & Anderson, R. E. 2010. *Multivariate data analysis*. (7th ed.). Saddle River, NJ: Prentice Hall.
- Hall G. S. 1904. *Adolescence: In psychology and its relation to physiology, anthropology, sociology, sex, crime, religion, and education* (Vol. I & II), Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Henson, B., Wilcox, P., Reyns, B. W. & Cullen F. T. 2010. Gender, adolescent lifestyles, and violent victimization: Implications for routine activity theory. *Victims & Offenders*, 5(4), 303-328. Retrieved 3 Feb 2012 from <http://dx.doi.org/10.1016/j.adolescence>.
- Hsee C. K., Hastie, R. & Chen, J. 2008. Hedonomics bridging decision research with happiness research. *Association for Psychological Science*. 3(3), 224-243.
- Hughes, H. & Deutsch, R. 2010. Holidays of older gay men: Age or sexual orientation as decisive factors?. *Tourism Management*. 31(1), 454- 463.
- Hutton, F. 2012. Harm reduction, students and pleasure: An examination of student responses to a binge drinking campaign. *International Journal of Drug Policy*, 23(3), 229-235.
- Internet World Statistics. 2010. Internet in Asia – 2009 Top 10 Countries. Available at: <http://www.internetworldstats.com/stats3.htm#asia>
- Ismail Hamid 1983. *Peradaban Melayu dan Islam*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Jantzen, C. Fitchett, J. Østergaard, P. & Vetner, M. 2012. Just for fun? The emotional regime of experiential consumption. *Marketing Theory*. 12(2), 137–154. doi: 10.1177/1470593112441565.
- Jas Laile Suzana Jaafar. 2008. *Pengenalan kepada psikologi kanak-kanak dan belia*. Shah Alam: Arah Pendidikan Sdn. Bhd.
- Klages, H. & T. Gensicke. 2005. “Wertewandel und die Big-Five-Dimensionen.” In S. Schumann (ed.), *Persönlichkeit: Eine vergessene Größe in der empirischen Sozialforschung*. Wiesbaden: VS Verlag: 279-299.

- Keyes, C., & Annas, J. 2009. Feeling good and functioning well: Distinctive concepts in ancient philosophy and contemporary science. *Journal of Positive Psychology*, 4, 197–201.
- Mahmood Nazar Mohamed. 1990. *Pengantar psikologi: Satu pengenalan asas kepada jiwa dan tingkah laku manusia*: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Marth, M. 2010. Values of German media used vs research. Retrieved 13 August 2012 from Springer, <http://books.google.com.my/books? id=99JBWWX JoUgC & printsec>.
- Mohd Ali Iksan. 2010. Pengaruh budaya hedonisme di kalangan pelajar Islam. Tesis Master UM (Tidak diterbitkan), Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Ghazali Md Nor. 2007. *Israiliyyat moden: Tumpuan terhadap hedonisme*. Tesis Master (Tidak diterbitkan), Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Kamal Hassan. 2008. Keutuhan tingkah laku dan moral. Muat turun 30 Jun 2011. <http://www.masjidskampungtunku.com/index2>.
- Mustafa Kamil Ayub. 1994. *Menangani cabaran membina kecemerlangan tamadun ummah*. Petaling Jaya: Budaya Ilmu Sdn. Bhd.
- Mrug, S., & Windle, M. 2009. Moderators of negative peer influence on early adolescent externalizing behaviors: The roles of individual behavior, parenting, and school connectedness. *Journal of Early Adolescence*, 29, 518-540.
- Noraini Ab Jalil. 2010. Persepsi pelajar terhadap gejala hedonisme: Kajian terhadap pelajar Islam. Tesis Master (Tidak diterbitkan). Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- O'Brien, L., Albert, D., Chein, J. & Steinberg, L. 2011. Adolescents prefer more immediate rewards when in the presence of their peers. *Journal of Research on Adolescence*, 21(4), 747 – 753. doi: 10.1111/j.1532-7795.2011.00738.x.
- Padilla-Walker, L. M., & Bean, R. A. 2009. Negative and positive peer influence: Relations to positive and negative behaviors of African American, European American, and Hispanic adolescents. *Journal of Adolescence*, 32, 323-337. <http://dx.doi.org/10.1016/ j.adolescence. 2008.02.003>.

- Peterson, C., Park, N., & Seligman, M. E. P. 2005. Orientations to happiness and life satisfaction: The full life versus the empty life. *Journal of Happiness Studies*, 6(1), 25-41.
- Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011 – 2015, Unit Perancang Ekonomi Malaysia. Muat turun 3 Ogos 2011 dari http://www.epu.gov.my/html/themes/epu/html/RMKE10/rmke10_bm.html.
- Ridhuan Tee Abdullah. 2010. Gambaran pengaruh tingkah laku barat dalam kehidupan belia-belia. Muat turun 4 Jun 2011 dari. <http://blogspot.com/2006/06/gambaran-pengaruh-tingkah-laku-barat.html>.
- Robbins, R., & Bryan, A. 2004. Relationships between future orientation, impulsive sensation seeking, and the risk behavior of adjudicated adolescents. *Journal of Adolescent Research*, 19, 428-445.
- Saroglou, V., Delpierre, V. & Dernelle, R. 2004. Values and religiosity: A meta-analysis of studies using Schwartz's model. *Personality and Individual Differences*. 37(4), 721–734. <http://dx.doi.org/10.1016/j.paid.2003.10.005>.
- Scarpi, D. 2012. Work and fun on the internet: The effects of utilitarianism and hedonism online. *Journal of Interactive Marketing*. 26, 53–67.
- Schor, J. B. 2004. Born to buy. New York: Scribner.
- Schwartz, S. H. 1992. Universals in the content and structure of values: Theoretical advances and empirical tests in 20 countries. In M. Zanna (Ed.), *Advances in experimental social psychology* (Vol. 25, pp. 1–65). Orlando, FL: Academic Press.
- Skinner, B. F. 1953. *Science and human behavior*. New York: Macmillan.
- Smuts, A. 2011. The Feels Good Theory of Pleasure, *Philosophical Studies*, 155(2): 241–265.
- Sobel, D. 2002. Varieties of Hedonism, *Journal of Social Philosophy*, 33(2): 240–256.
- Stangroom, J., & Garvey, J. 2008. *The great philosophers*. Arcturus Publishing: London.
- Steinberg, L., & Monahan, K. C. 2007. Age differences in resistance to peer influence. *Developmental Psychology*, Vol 43(6), 1531-1543. doi: 10.1037/0012-1649.43.6.1531.

- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. 1978. *Islam and secularism*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Szmigin, I., Griffin, C., Mistral, W., Howell, A. B., Weale, L. & Hackley, C. 2008. Re-framing 'binge drinking' as calculated hedonism: Empirical evidence from the UK. *International Journal of Drug Policy*, 19(5), 359-366.
- The Stanford Encyclopedia of Philosophy* (Winter 2011 Edition), Edward N. Zalta (ed.), URL= <http://plato.stanford.edu/archives/win2011/entries/hedonism>.
- Tomé, G., Matos, M. G., Simões, C., Camacho, I., & Diniz, J. A. 2012. How can peer group influence the behavior of adolescents: Explanatory model. *Global Journal of Health Science*. 4 (2), 26-35. doi:10.5539/gjhs.v4n2p26.
- Trzesniewski, K. H., & Donnellan, M. B. 2010. Rethinking "generation me": A study of cohort effects from 1976-2006. *Perspectives on Psychological Science*, 5(1), 58-75.
- Utusan Malaysia (21 Mac, 2011). Mahasiswa mesti jauhi hedonisme. Pendidikan, hlm 3.
- Veenhoven, R. 2003. Hedonism and happiness. *Journal of Happiness Studies*, 4(4), 437-457.
- Waterman, A. S. 1993. Two conceptions of happiness: Contrasts of personal expressiveness (eudaimonia) and hedonic enjoyment. *Journal of Personality and Social Psychology*, 64(4), 678-691.
- Weichselbaumer, D. 2012. Sex, romance and the carnivalesque between female tourists and caribbean men. *Tourism Management*, 33, 1220-1229.
- Weijers, D. 2011. Hedonisme, *internet encyclopedia of philosophy*. Available from <http://www.iep.utm.edu/hedonisme/>.
- White, N. 2006. *A brief history of happiness*. Oxford: Blackwell Publishing.
- Wils, T., Saba, T., Waxin, M. F. & Labelle. C. 2011. Intergenerational and intercultural differences in work values in Quebec and the United Arab Emirates. *Industrial Relations*, 66(3), 445-469.
- Yazdani, E. 2009. Globalization and the role of Islam in the post-Soviet Central Asia. *Turkish Journal of International Relations*, 8(2).

Zarina Zawawi & Faisal Ibrahim. 2008. Debating asian values: A case study of Malaysian reality tv shows. http://www.onlinereview.segi.edu.my/chapters/vol3_sr1_art3.pdf.

Zimbardo, P. G., & Boyd J. N. 1999. Putting time in perspective: A valid, reliable, individual-differences metric. *Journal of Personality and Social Psychology*, 77, 1271–1288.

Profil Penulis

Siti Raba'ah Hamzah (calon Ph. D)

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

43400, UPM, Serdang

sitirabaahhamzah@gmail.com

Turiman Suandi, Ph. D

Profesor

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

43400, UPM, Serdang

turiman55@gmail.com

Azimi Hamzah, Ph. D

Profesor

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

43400, UPM, Serdang

azimi@putra.upm.edu.my

Ezhar Tamam, Ph. D

Profesor

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

43400, UPM, Serdang

ezhar@fbmk.upm.edu.my

TERAPI SENI DALAM KAUNSELING PELAJAR PINTAR DAN BERBAKAT

RAFIDAH KASTAWI & NORIAH MOHD ISHAK

ABSTRAK

Kaunseling Pintar dan Berbakat (PB) masih baru di Malaysia. Kaunselor berhadapan dengan pelbagai masalah pelajar PB yang perlu diteliti dan difahami untuk membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar ini. Ini menjadikan kaunselor perlu menggunakan pelbagai kaedah, cara dan teknik yang boleh membantu pelajar-pelajar PB menyelesaikan masalah mereka. Terapi seni merupakan salah satu pendekatan alternatif yang boleh digunakan dalam proses kaunseling untuk membantu pelajar PB yang berhadapan dengan masalah sosial dan emosional. Timbul beberapa persoalan yang perlu dibincangkan untuk memahami pendekatan ini dalam kaunseling PB, antaranya a) bagaimanakah pendekatan terapi seni membantu perluhan emosi pelajar PB dalam proses kaunseling?, b) bagaimanakah pendekatan terapi seni membantu kaunselor menyelesaikan permasalahan sosial dan emosional pelajar-pelajar PB?.

Kata Kunci: *Terapi Seni, Pelajar Pintar Dan Berbakat, Kaunseling, Masalah Sosial Dan Emosional*

ABSTRACT

Gifted and Talented (GT) counseling still new in Malaysia. Counselors deals with various issues and matters encountered by GT students that need to be examined and understood in order to help GT students resolve the issues and problems faced. There are many ways, methods and technique in counseling to assist GT students in finding their way out. Arises the question that needs to be discussed to understand this approach in counseling PB, a) How art therapy helps the GT students in expressing the emotion during counseling process? b) How was this approach will helping the counselors in a process of problem solving the GT students.

Keywords: *Art Therapy, Gifted and Talented Student, Counseling, Social and Emotional Problems*

PENDAHULUAN

Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling (PBK) untuk pelajar pintar dan berbakat (PB) masih baru di Malaysia. Ini disebabkan golongan ini jarang diberikan perhatian dalam masyarakat, menyebabkan keperluan pembelajaran mereka selama ini terabai (Ng & Sadiyao 2005). Selain itu keperluan pelajar PB yang berbeza daripada remaja biasa menyebabkan perkembangan pendidikan golongan ini tidak diberi perhatian. Di Malaysia, masih belum ada perkhidmatan sokongan khusus untuk membantu

perkembangan pendidikan golongan PB ini. Situasi ini turut diakui oleh kerajaan sendiri menerusi ucapan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Razak, ketika merasmikan Perkhemahan Cuti Sekolah PERMATApintar di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 6 Disember 2009 (Berita Harian Disember 2009). Di Malaysia masih belum ada satu perkhidmatan sokongan yang khusus untuk membantu perkembangan pendidikan golongan ini.

Namun demikian, PBK di sekolah merupakan suatu perkhidmatan sokongan yang berupaya memenuhi keperluan psikologikal golongan ini. Kajian menunjukkan golongan pelajar PB tidak mendapat layanan yang sewajarnya daripada pihak PBK di sekolah (Salleh 1998). Situasi ini memberi kesan kepada perkembangan sosial dan emosional mereka memandangkan golongan ini tidak terlepas daripada menghadapi pelbagai bentuk masalah psikologi sama seperti masalah yang dihadapi oleh golongan PB di negara-negara lain (Roshadah 2004; Noriah & Abu Yazid 2010). Dalam menjelaskan perkara ini, kajian berkaitan kaunseling PB di Malaysia diibaratkan masih dalam peringkat bayi (Noriah & Abu Yazid 2010), menjadikan bidang ini suatu keperluan yang penting dalam usaha membantu memenuhi keperluan psikologikal golongan ini. Dalam konteks ini, PBK berperanan sebagai salah satu perkhidmatan sokongan yang berupaya membantu memenuhi keperluan pendidikan golongan ini (Abu Yazid & Aliza 2009). PBK perlulah berusaha menyediakan perkhidmatan yang dapat membantu pihak sekolah untuk mengenal pasti keperluan pembelajaran golongan ini, seterusnya memberi sokongan dan menyediakan kemudahan yang berupaya memenuhi keperluan psikologikal golongan PB di sekolah (McEArhern 2001; Gross, Robinson, Colangelo 2002; Woods 2010). Kaunselor di sekolah bertanggungjawab untuk membantu golongan ini dengan memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang betul dan berkesan. Kaunselor perlulah berusaha mempelbagaikan strategi dan kaedah yang bersesuaian dengan keunikkan dan perbezaan yang ada dalam diri pelajar PB ini.

Memandangkan belum ada suatu pendekatan atau strategi yang dapat dibuktikan keberkesanannya secara empirikal untuk membantu golongan ini, maka para kaunselor sukar untuk memastikan bentuk kaunseling yang diperlukan oleh golongan ini, termasuklah kesukaran untuk menggambarkan cabaran yang dihadapi oleh golongan PB ini (Moon 2007; Wood 2010). Justeru itu, terapi seni dilihat sebagai salah satu pendekatan yang boleh digunakan dalam proses kaunseling sama ada dalam kaunseling individu ataupun kaunseling kelompok terutama kepada golongan PB yang berhadapan dengan masalah pembelajaran seperti di bawah pencapaian (*underachievement*) (McEachern 2000); juga bermasalah sosial dan emosional seperti dalam keadaan kesedihan (Burke 2009). Penggunaan terapi seni dalam kaunseling dilihat sebagai salah satu pendekatan yang sesuai untuk diaplikasikan kepada remaja yang berbeza tahap perkembangan, tahap pembelajaran dan juga berbeza keperluan sosial dan emosi (Stanley dan Miller 1993 dalam Kahn 1999). Kekuatan dan kelebihan yang ada pada terapi seni, membolehkan pendekatan ini diaplikasikan dalam kaunseling PB. Dalam pada itu, prestasi dan keupayaan yang

tinggi oleh golongan PB dalam satu atau lebih dalam bidang keupayaan intelektual, kecenderungan dalam akademik, pemikiran kreatif, keupayaan kepimpinan, bakat dalam seni visual dan persembahan (Schirmacher 2006); membolehkan kaunselor menggunakan aktiviti seni sebagai medium interaksi dan komunikasi yang berkesan dalam sesi kaunseling yang dijalankan kepada golongan ini.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini secara khususnya adalah:

1. Mengetahui maklum balas kaunselor tentang penggunaan pendekatan terapi seni dalam proses kaunseling dengan pelajar PB yang bermasalah sosial dan emosional
2. Mengetahui perluhan emosi pelajar PB dalam proses kaunseling menggunakan pendekatan terapi seni

KAJIAN KEPUSTAKAAN

Konsep Terapi Seni

Dalam membincangkan takrifan terapi seni (TS), perkataan terapi dan seni perlu diberikan penelitian secara literal. Menurut Oxford Dictionary of Psychology (2003), perkataan terapi seni berasal daripada perkataan Greek iaitu 'therapeuein' yang bermakna untuk memulihkan atau untuk dijaga manakala perkataan terapi seni merupakan suatu bentuk psikoterapi di mana klien atau pesakit digalakkan untuk meluahkan perasaan dan konflik dalaman diri mereka menerusi seni. Seni bermakna karya seperti sajak, lukisan, muzik dan lain-lain; yang diciptakan dengan bakat (kecekapan), hasil daripada sesuatu ciptaan. Kesimpulannya secara harafiah dapatlah ditakrifkan terapi seni merupakan rawatan yang terhasil daripada sesuatu ciptaan atau karya.

Namun demikian TS merupakan gabungan antara seni dan psikoterapi. Ini kerana seni merupakan ciptaan yang mempunyai nilai estetika yang berupaya merangsang gambaran alam realiti, manakala psikoterapi merupakan rawatan secara psikologikal kepada individu yang mengalami kecelaruan. Ini menunjukkan bahawa terapi seni merupakan pendekatan terapeutik menerusi aktiviti seni visual seperti melukis, mewarna, fotografi dan seni arca yang berupaya membantu klien meluahkan emosi dan perasaan yang terpendam, seterusnya memberi makna kepada terapi dan diagnosis yang dilakukan kepada klien. Manakala 'Oxford Dictionary of Psychology' (2003) mendefinisikan terapi seni sebagai salah satu bentuk psikoterapi, di mana klien digalakkan meluahkan perasaan dan konflik dalaman mereka menerusi seni. Penggunaan material seni seperti warna air, krayon, dan 'non-toxic magic colour' digunakan sebagai medium perluhan diri klien. Selain itu 'American Art Therapy Association' - AATA (1996) menyatakan, TS terhasil daripada idea yang mendapati proses menghasilkan seni berupaya mengubati dan meningkatkan kualiti hidup seseorang. Ia juga merupakan suatu bentuk komunikasi bukan lisan,

di mana perasaan dan fikiran seseorang dapat dikomunikasikan menerusi proses penghasilan seni tersebut. Ini bermakna terapi seni merupakan psikoterapeutik dan proses pembelajaran yang menggunakan seni sebagai medium interaktif. Menerusi pelbagai aktiviti seni seperti melukis, mewarna, menyanyi, pergerakan dengan muzik, dan drama; TS berupaya membantu individu untuk mencari makna di sebalik proses kreatif yang telah dilalui dan menggalakkan perkongsian pengalaman antara klien dan terapis atau kaunselor (Malchiondi 1998). Justeru itu, terapi seni ini termasuklah hubungan peribadi antara klien dan kaunselor atau terapis yang mengendalikan sesi tersebut; di mana klien merasa selamat dan terlindung daripada ancaman apabila membicarakan masalah yang dihadapi oleh klien, meneroka sebab mengapa masalah itu terjadi, meluahkan perasaan yang sukar dan juga meluahkan perasaan dengan cara yang berbeza.

Kajian Terapi Seni di Malaysia

Bidang terapi seni merupakan salah satu pendekatan yang baru dalam proses kaunseling di Malaysia, menyebabkan kajian berkaitan terapi seni ini sangat terhad dan hampir tidak wujud. (Paw, Noriah & Salleh 2008). Oleh yang demikian, kajian dalam bidang ini sangat diperlukan demi memperkembangkan penggunaan terapi seni dalam bidang kaunseling di Malaysia. Namun demikian, kebanyakan kaunselor di Malaysia mengaplikasikan pendekatan terapi seni dalam proses kaunseling. Malahan ramai dalam kalangan pengamal kaunseling menegaskan bahawa terapi seni berupaya membantu kaunselor yang berhadapan dengan kekangan masa atau 'time-limited counseling' (Kahn 1999). Walau bagaimanapun, kajian oleh Paw Eng See, Noriah dan Salleh (2008) telah membuktikan bahawa terapi seni boleh dilaksanakan dan berupaya membantu kaunselor memperoleh lebih banyak maklumat daripada klien. Selain itu, pendekatan terapi seni juga membantu klien membina strategi dan meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah. Justeru itu, terapi seni boleh dianggap sebagai pendekatan tambahan yang berupaya membantu kaunselor mengendalikan proses kaunseling dengan lancar dan berkesan.

Terapi Seni Ekspresif Pemusatan Insan Natalie Rogers

Pendekatan yang digunakan dalam Terapi Seni Ekspresif Pemusatan Insan oleh Natalie Rogers merupakan pendekatan moden kepada kaunseling dan psikoterapi berasaskan kepada pendekatan tradisional Pemusatan Insan Carl Rogers (Sommers-Flanagan 2007). Ia juga merupakan kesinambungan pendekatan Pemusatan Insan yang telah dimulakan oleh Carl Ransom Rogers. Pendekatan ini menggunakan pelbagai modaliti seperti seni, pergerakan, penulisan dan muzik dalam usaha mempermudah pertumbuhan terapeutik seseorang klien, dengan menggunakan prinsip-prinsip yang ada dalam Teori Pemusatan Insan Carl Rogers sebagai tunjang utama dalam Ekspresif Terapi Seni Pemusatan Insan Natalie Rogers. Dalam hal ini, Natalie menggunakan pendekatan tanpa arah (non-directives) disebabkan beliau percaya akan keupayaan yang ada pada setiap kliennya dan beliau menggunakan pengalaman peribadinya sebagai asas dalam pemikiran teoritikalnya (Sommers-Flanagan 2007).

a. Prinsip-prinsip Teori Pemusatan Insan

Dalam pendekatan ini Natalie berpegang kepada konsep keterbukaan kepada pendidikan dan pegalaman, yang mengaitkan dengan keupayaan dirinya yang sentiasa terbuka kepada penerokaan dalam Teori Pemusatan Insan Seni Ekspresif. Sifat keterbukaan ini merupakan satu petunjuk kepada kefungasian diri seseorang pada tahap optimal. Ini menjadikan Natalie sentiasa bersedia untuk berhadapan dengan risiko secara professional dan memandang tinggi keaslian pengalaman dan pendidikan yang diperolehi. Pandangan dan falsafah Rogers terhadap kepercayaan kepada kemampuan klien untuk mengenal pasti perasaan yang dirasakan, berupaya mengarah diri sendiri untuk menyelesaikan masalah serta mengenal pasti masalah yang benar-benar genting untuk diselesaikan menjadi pegangan utama kepada pendekatan ini. Natalie percaya bahawa setiap individu di muka bumi ini mempunyai harga diri, bernilai dan mempunyai kemampuan untuk mengarah sendiri. Oleh yang demikian, dengan memberi penekanan terhadap keupayaan klien, pendekatan ini mampu untuk meningkatkan potensi klien ke tahap maksimum. Ini kerana apabila klien dapat merasakan dirinya diterima dan difahami, penawar kepada masalah akan muncul dengan sendirinya.

Selain itu, pendekatan ini turut menekankan peranan terapis atau kaunselor sebagai seorang yang jujur, terbuka, empati, kongruen, mengambil berat menerusi keupayaan mendengar secara mendalam masalah yang dihadapi oleh klien dan mampu memudahkan pertumbuhan secara individu atau berkumpulan (Natalie 1993). Mendengar masalah klien dengan mendalam dan sepenuh hati terhadap kesengsaraan emosional klien berserta rasa hormat kepada kemampuan klien untuk mendapatkan jawapan kepada permasalahan yang dihadapi klien merupakan suatu hadiah yang sangat bernilai kepada klien. Di samping itu, empati dan penerimaan terapis atau kaunselor terhadap diri klien, memberikan suatu peluang kepada klien untuk meningkatkan kuasa sendiri untuk berusaha meneroka keunikan potensi yang terdapat dalam diri individu tersebut.

b. Panduan penggunaan terapi seni kepada kaunselor

Pendekatan yang digunakan dalam terapi seni ini merupakan suatu usaha untuk meningkatkan keupayaan klien untuk berasa selamat dan dipercayai sepenuhnya. Keadaan yang sama akan memudahkan jalinan hubungan antara klien-kaunselor serta membantu menyokong persekitaran untuk daya kreativiti klien (Natalie 1993). Selain itu, terdapat beberapa panduan yang perlu diikuti oleh kaunselor yang menggunakan terapi seni dalam proses kaunseling.

Menurut Furth (1988), kaunselor tidak boleh melakukan interpretasi terhadap hasil seni klien tetapi hanya memberikan tumpuan kepada perasaan yang dijelmakan oleh klien menerusi hasil seni tersebut. Selain itu kaunselor haruslah bertindak sebagai penyelidik dengan memberi penekanan kepada aspek-aspek tertentu seperti berikut :

- Kaunselor perlulah memulakan dengan memberikan gambaran umum tentang hasil seni tersebut

- Bukannya menginterpretasi hasil seni tersebut tetapi memfokuskan kepada gambaran perasaan yang ada dalam hasil seni tersebut.
- Kaunselor perlu mensintesis apa yang diperoleh daripada hasil seni tersebut dengan bertindak sebagai pengkaji dengan 'mengkaji' hasil seni yang dihasilkan seperti berikut :
- perasaan yang dijelamkan dalam hasil seni tersebut
- sesuatu objek yang dihasilkan secara abnormal atau di luar kebiasaan / ganjil
- memerhatikan pemilihan warna, bentuk, atau item-item yang 'hilang'.

Isu -isu berkaitan sosial dan emosional pelajar PB

Golongan PB mempunyai keunikan dalam aspek sosial dan emosional, misalnya mereka lebih suka menyembunyikan konflik dalaman yang melanda diri mereka dan sukar untuk meminta bantuan orang lain dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi (Peterson 2001). Mereka berusaha untuk mengatasi masalah atau konflik secara bersendirian sehingga menyukarkan diri mereka difahami oleh orang lain (Khatena 1992). Keadaan ini menyebabkan golongan PB berhadapan dengan pelbagai masalah terutamanya berkaitan dengan masalah keperluan sosial dan emosi yang unik dan berbeza dengan pelajar lain (Yoo & Moon 2006).

Menurut Dabrowski (1902-1980) mendapati golongan PB mempunyai tahap psikomotor, sensual, imaginatif, intelektual dan emosional 'overexcitabilities' yang lebih tinggi berbanding individu biasa (Piechowski 2002 dalam Reis, 2008). Lantaran itu, individu PB mempunyai kesedaran emosional dan kepekaan yang tinggi serta menunjukkan sifat-sifat empati yang keterlaluan terhadap orang lain, di samping mempunyai ingatan afektif yang kuat. Justeru itu, ada ketikanya pelajar PB ini menghadapi kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran yang baru, mudah merasa kesunyian; juga berhadapan dengan pelbagai emosi dan perasaan yang kompleks. Dalam menyelusuri proses perkembangan pelajar PB, golongan ini cenderung untuk berhadapan dengan pelbagai masalah (Hallahan & Kauffman 2000). Pada kebiasaannya, pelajar PB yang memasuki alam sekolah menengah akan menempuh banyak cabaran dan dugaan dalam persekitaran sosial yang berbeza (Gallagher 2009). Ini menjadikan pelajar PB berhadapan dengan tekanan yang lebih berbanding rakan sebaya mereka (Khatena 1992). Pelajar PB turut berhadapan dengan isu-isu sosial dan emosional seperti masalah penyesuaian sosial, kemurungan, tekanan, di bawah pencapaian (underachievement) dan kepintaran sebagai aset atau beban (Gallagher 2009).

Strategi pelaksanaan proses kaunseling PB

Terapi Seni bukanlah suatu pendekatan yang baru dalam bidang kaunseling kerana ia boleh disesuaikan dengan mana-mana pendekatan terapeutik dan boleh meningkatkan mana-mana sistem kepercayaan yang terapeutik (Riley 2001). Ia juga bukanlah suatu teori kaunseling yang unik tetapi lebih menekankan kepada teknik-teknik terapeutik seni yang dipinjam daripada pelbagai pendekatan teoritikal (Cochran 1996; Brandsma & Herbert 1997). Ini kerana setiap proses kaunseling merupakan gabungan pelbagai aspek daripada klien dan kaunselor yang memerlukan keseimbangan dalam diri

secara profesional dan ilmu pengetahuan untuk bertindak dalam masa-masa yang penting (Gladding 1995). Oleh yang demikian, integrasi kreatif seni bertindak sebagai media artistik dalam proses kaunseling yang membolehkan kaunselor menggunakan seni dengan meluas tanpa memerlukan latihan yang khusus dalam seni. Namun, kebanyakan kaunselor membatasi terapi seni kepada teori-teori klasik seperti teori psikodinamik (Kahn 1999). Dalam hal ini penggunaan terapi seni berupaya menyediakan kelebihan tersendiri dalam membantu melancarkan poses kaunseling yang dijalankan (Kahn 1999). Walau bagaimanapun TS menghadapi kontroversi tentang kesesuaian terhadap produk artistik yang dihasilkan oleh klien untuk tujuan penilaian psikopatologi (Brandsma & Herbert 1997).

Walaupun bagaimanapun kaunselor memainkan peranan penting sebagai agen perubahan yang berupaya mendampingi golongan PB dalam suatu proses yang dihasilkan secara kreatif daripada dialog yang terputik (Moon 2007). Justeru itu, menjadi agenda penting kepada para kaunselor memikirkan pendekatan dan strategi yang berkesan untuk mendampingi golongan PB ini. Tidak dinafikan bahawa kaunseling dengan remaja PB ini memerlukan kekuatan yang terbina daripada hubungan yang positif antara kaunselor dan klien; juga galakkan terhadap refleksi sendiri, seting matlamat dan autonomi (Moon 2007). Situasi ini menyebabkan kaunselor perlu meneroka teknik atau strategi kaunseling lain, misalnya jenis-jenis terapi; yang mana tidak banyak diketahui akan keberkesanannya kepada klien yang unik dan pintar seperti golongan PB ini (Moon 2002). Malahan penggabungan teori kaunseling dengan pelbagai terapi yang sesuai membolehkan klien mendapat celik akal dengan lebih cepat (Paw Eng See, Noriah dan Salleh 2008).

METODOLOGI PENYELIDIKAN

Reka bentuk kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes pelbagai kes atau 'multi-case' berbentuk deskriptif (Yin 2009) dengan memilih dua orang pelajar PB yang berhadapan dengan masalah sosial dan emosional untuk dikaji. Keunikan pelajar Pintar dan Berbakat (PB) yang berhadapan dengan masalah sosial dan emosional menyebabkan pengkaji merasakan perlu untuk mendapatkan seberapa banyak maklumat daripada mereka. Selain itu pengkaji turut meminta peserta kajian memberikan maklum balas terhadap proses kaunseling menggunakan terapi seni aplikasi modaliti seni iaitu melukis, membentuk tanah liat dan menghasilkan kolaj. Dalam kajian ini, dua orang kaunselor PERMATApintar terlibat sepenuhnya dalam mengendalikan proses kaunseling menggunakan terapi seni. Mereka turut diminta memberikan maklum balas tentang proses tersebut selepas selesai proses kaunseling dijalankan. Justeru itu, reka bentuk kajian ini bertepatan dengan kenyataan Yin (2009) menjelaskan bahawa kajian kes berbentuk deskriptif berupaya menjelaskan gambaran secara keseluruhan akan fenomena yang hendak dikaji.

Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di Kompleks PERMATApintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi.

Subjek kajian

Subjek kajian merupakan dua orang pelajar PB berumur 16 tahun yang dirujuk kepada kaunselor PERMATApintar oleh guru kelas masing-masing. Berdasarkan maklumat kaunselor terdapat dua orang pelajar yang dirujuk oleh guru kelas masing-masing kepada pihak kaunseling. Mereka dilihat sering mengasingkan diri daripada kawan-kawan yang lain, tidak suka melibatkan diri dalam kerja kumpulan dan sering mengelamun semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Kedua-dua orang pelajar ini kemudiannya diminta untuk mengisi Borang Soal selidik Inventori Kecerdasan Emosi Malaysia-R (IKEM). Langkah ini bertujuan untuk mengetahui tahap kecerdasan emosi (KE) mereka menerusi interpretasi Nilai Indeks Kecerdasan Emosi oleh Noriah dan Siti Rahayah (2005). Dengan mengetahui tahap KE kedua-dua orang pelajar ini, kaunselor berupaya untuk lebih memahami situasi sebenar yang dihadapi oleh pelajar tersebut. Selain itu, kaunselor juga boleh membantu pelajar-pelajar ini mencari dan meningkatkan trait KE yang perlu ada dalam diri mereka.

Tatacara Kajian dijalankan

